

# LAPORAN TAHUNAN

# 2022

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Majlis Agama Islam Selangor



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**
D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), D.K. (Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**


SELANGOR


SELANGOR

# Kandungan

## Laporan Tahunan MAIS 2022


Prakata Pengerusi MAIS ........ 7

Prakata Setiausaha MAIS ........ 9

Anggota MAIS Sesi 2021-2023 ........ 16

Pengurusan Tertinggi MAIS ........ 18

Maklumat Korporat MAIS ........ 20

Carta Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor ........ 21

Agensi dan Anak Syarikat ........ 22

Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022 ........ 23

Pelan Strategik MAIS 2020 – 2024 ........ 77

Laporan Aktiviti MAIS 2022 ........ 81

Laporan Pencapaian Agensi dan Anak Syarikat MAIS 2022 ........ 93

Laporan Program, Lawatan dan Publisiti MAIS 2022 ........ 111

Antara Liputan Media Program MAIS ........ 121

Publisiti MAIS Di Media *Online*, Cetak Dan Elektronik ........ 129

Direktori MAIS ........ 143

**Y.A.D. TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF**
P.S.M., P.S.D., S.P.M.S., D.C.S.M., D.S.S.A., K.M.N., A.M.N.
**PENGERUSI**
**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**



# Prakata Pengerusi

## Majlis Agama Islam Selangor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta para tabiin dan para ulama'.**

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana di beri peluang untuk menukilkan kata-kata di Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi tahun 2022 ini. Tugas dan tanggungjawab sebagai Pengerusi MAIS ini merupakan amanah yang diberikan kepada saya untuk dilaksanakan dengan telus dan penuh integriti demi kebaikan dan kemaslahatan umat Islam di negeri Selangor.

Sebagai sebuah organisasi yang telah dipertanggungjawabkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, MAIS meneruskan usahanya untuk berada di puncak kecemerlangan dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang berteraskan kebajikan dan sosio-ekonomi kepada masyarakat Islam di negeri Selangor. Kejayaan yang dicipta hasil dengan kerjasama yang jitu di antara Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS.

Menjadi amanah MAIS dalam menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berhubung hal ehwal Islam serta meningkat sosio-ekonomi di negeri Selangor, pencapaian tahun 2022 menunjukkan prestasi yang sangat baik oleh MAIS, agensi dan anak syarikat MAIS dalam mencipta kejayaan demi kejayaan bagi setiap pencapaian mengikut kepada fungsi masing-masing.

Selain itu, urus tadbir yang baik oleh MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS yang dipamerkan menunjukkan cerminan perkhidmatan yang terbaik disediakan demi kemudahan dan capaian masyarakat Islam terutamanya perkara yang melibatkan urusan hal ehwal agama Islam di negeri Selangor. Dengan adanya kesepakatan yang padu, MAIS terus menerajui kecemerlangan dengan jayanya di peringkat negeri dan seterusnya di peringkat nasional.

Tidak ketinggalan juga, ucapan tahniah sempena ulang tahun MAIS yang ke-70 (1952 – 2022). 70 tahun menunjukkan satu tahan kematangan organiasi, dan alhamdulillah MAIS berada di landasan tersebut terutamanya menyantuni ummah dan menyuburkan sosio-ekonomi umat Islam di negeri Selangor. Syabas dan tahniah diucapkan di atas ulang tahun ini.

Akhir kata, bagi pihak anggota-anggota MAIS, pegawai dan kakitangan, saya menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, sebagai Ketua Agama Islam atas kepercayaan dan titah nasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam memartabatkan syiar Islam di negeri Selangor.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan juga kepada Kerajaan Negeri Selangor, ketua-ketua Jabatan yang telah berusaha memberikan khidmat yang terbaik untuk MAIS terus maju ke hadapan. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada anggota-anggota MAIS, ahli-ahli jawatankuasa tetap dan pegawai MAIS yang telah bertungkus-lumus dalam mencurahkan jasa dan bakti demi kebaikan maslahah ummah di negeri Selangor. Semoga Allah S.W.T. merahmati segala usaha yang telah diberikan dalam memastikan MAIS sebuah Institusi Islam yang unggul di Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.
Wassalam.

**Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof**
P.S.M., P.S.D., S.P.M.S., D.C.S.M., D.S.S.A., K.M.N., A.M.N.
**PENGERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**YBHG. DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR**
A.I.S., P.J.K.
**SETIAUSAHA**
**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**



# Prakata Setiausaha

## Majlis Agama Islam Selangor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang,

**Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi atas limpah kurnia, MAIS dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2022 yang mengandungi Laporan Penyata Kewangan MAIS dan aktiviti-aktiviti MAIS bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS sepanjang tahun 2022. Laporan yang disediakan secara eksklusif ini untuk hebahan kepada masyarakat Islam khususnya di Negeri Selangor dan Malaysia amnya.**

Tahun 2022 juga mencatat sejarah kepada MAIS apabila genap 70 tahun penubuhannya. Alhamdulillah MAIS berjaya meraikan ulang tahun ini dengan mengadakan pelbagai program. Salah satu program meraikan ulang tahun ke 70 tahun penubuhan MAIS dengan menganjurkan Forum Perdana Ehwal Islam di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Forum ini turut ditayang secara langsung melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) 1. Lebih mengujakan apabila Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor turut berkenan berangkat hadir ke forum berkenaan.

Seramai 600 orang penonton forum perdana ini turut dapat merasai bahang sambutan ulang 70 tahun penubuhan MAIS. Manakala jumlah tontonan siaran secara langsung di RTM 1 ialah seramai 420,000 tontonan manakala siaran ulangan pula adalah sebanyak 398,000 tontonan. Jumlah keseluruhan yang menonton Forum tersebut ialah seramai 880,000 tontonan. Tontonan di Facebook Live di paparan JAKIM dan Forum Perdana Ehwal Islam ialah sebanyak 75,000 tontonan.







## LEMBARAN PENCAPAIAN TAHUN 2022

Buka lembaran tahun 2022 menyaksikan pembangunan ekonomi yang sedang meningkat naik. Tidak ketinggalan, MAIS juga ke arah pembangunan dan pendapatan ekonomi yang lebih baik demi kebaikan ummah di negeri Selangor.

MAIS terus komited dengan menghasilkan beberapa inisiatif untuk mengekalkan komitmen dan kemajuan sosio dan ekonomi ummah seperti yang termaktub di Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003. Keprihatinan MAIS terus diperkasa dengan pelbagai aktiviti yang telah disampaikan terutamanya dalam menyampaikan sumbangan kebajikan dan dakwah pengurusan harta kepada masyarakat Islam seluruh pelosok negeri Selangor.

Turut digarap kerjasama padu bersama 21 anggota MAIS yang terdiri dari pelbagai kepakaran bagi memastikan perjalanan hal ehwal Islam di negeri Selangor sentiasa di landasan yang tepat. Pada tahun 2022 pelaksanaan Mesyuarat MAIS adalah seperti berikut:

| Bil | MESYUARAT | TARIKH | KAEDAH MESYUARAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Bil. 1/2022 | 25 Januari 2022 | Dalam Talian |
| 2 | Bil. 2/2022 | 21 Mac 2022 | Dalam Talian |
| 3 | Bil. 3/2022 | 31 Mei 2022 | Fizikal/Dalam Talian |
| 4 | Bil. 4/2022 | 21 Julai 2022 | Fizikal/Dalam Talian |
| 5 | Khas Bil. 1/2022 | 16 Ogos 2022 | Fizikal/Dalam Talian |
| 6 | Bil. 5/2022 | 27 September 2022 | Fizikal/Dalam Talian |
| 7 | Khas Bil. 2/2022 | 15 November 2022 | Fizikal/Dalam Talian |
| 8 | Bil. 6/2022 | 5 Disember 2022 | Fizikal/Dalam Talian |
| | **JUMLAH** | **8 Kali** | |

Menurut seksyen 27, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan MAIS boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menunaikan kewajipan atau menjalankan kuasanya. Sebanyak 95 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap MAIS telah dilaksanakan mengikut kepada urus setia di bawah MAIS, Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

Program secara bersepadu telah diperluaskan dengan keterlibatan Jabatan-jabatan Hal Ehwal Islam Selangor seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS). Program yang dirangka adalah bagi memastikan objektif dan matlamat penyampaian lebih kondusif terutamanya kepada masyarakat Islam di negeri Selangor seiring dengan hasrat dan pelaksanaan Kerajaan Negeri Selangor.

Begitu juga kejayaan daripada agensi dan anak syarikat MAIS di bawah seliaan MAIS. Agensi MAIS seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) serta Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) terus meningkatkan hasil kutipan dan agihan kepada golongan bersasar. Anak syarikat lain yang bernaung di bawah MAIS seperti Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Universiti Islam Selangor (UIS), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) dan Bakti Suci Holdings Sdn Bhd (BSHSB) terus menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat Islam di negeri Selangor.

## PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK MAIS 2020 – 2024

Selain itu, kejayaan bersama di antara Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, agensi dan anak syarikat MAIS turut dilakarkan dalam Pelan Strategik MAIS 2020 – 2024. Pencapaian bagi tahun 2022 telah menunjukkan peningkatan dengan keseluruhan pencapaian tahun 2022 adalah sebanyak 86%. Pecahan pencapaian bagi setiap inisiatif adalah seperti berikut:




**Pencapaian PSM Sehingga Disember 2022**

**Pencapaian PSM Tahun 2022 (%)**



## USAHA MAIS KE ARAH KECEMERLANGAN

MAIS terus komited dalam menghasilkan kecemerlangan dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat Islam khususnya di negeri Selangor. Pencapaian ini diukur berdasarkan peningkatan pendapatan yang telah dihasilkan.

Pendapatan MAIS tahun 2022 bagi Kumpulan Wang Sumber Am adalah sebanyak RM49.9 juta berbanding pendapatan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM52.5 juta. Walaupun, ekonomi negara kurang memberangsangkan bagi tahun 2022, namun MAIS terus memperluaskan penyampaian kebajikan dan dakwah pengurusan harta kepada umat Islam di negeri Selangor.

Dalam era pemerkasaan digitalisasi, MAIS terus perkukuhkan kedudukan dengan melancarkan Sistem Wasiat dan Hibah (SISWA) bagi memudahkan masyarakat Islam menguruskan wasiat dan hibah secara mudah dan pantas melalui dalam talian. Inovasi ini melihatkan MAIS menyokong terhadap tindakan ekonomi digital Malaysia dalam mencapai aspirasi MyDigital menjelang tahun 2025.

MAIS juga telah melancarkan K-Guam yang merupakan perkhidmatan Bantuan Konsultasi Guaman secara percuma dengan memberikan khidmat Perundangan Sivil dan Syariah yang dilaksanakan melalui platform dalam talian. K-GUAM juga merupakan platform perkhidmatan dalam talian perundangan yang pertama MAIS dengan kerjasama Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

MAIS turut memperkasakan agihan fidyah kepada seluruh penerima di negeri Selangor. Agihan fidyah yang dilaksanakan adalah berbentuk tunai dan barang kering. Jumlah agihan fidyah bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM6.96 juta. Agihan ini melibatkan seramai 42,181 orang penerima melalui Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) yang telah dilantik oleh MAIS.

## PRESTASI KEWANGAN MAIS

Perancangan strategi yang telah diperhalusi dan yang telah dipersetujui pada tahun 2022, telah membuahkan hasil yang baik untuk pendapatan MAIS, agensi dan anak syarikat MAIS. Perancangan pembangunan ekonomi yang baik menunjukkan MAIS bersama syarikat subsidiarinya komited dalam menerajui kecemerlangan.

Oleh itu, pendapatan MAIS mengikut pecahan kumpulan wang adalah seperti yang berikut:

| Perkara | Tahun | |
|---|---|---|
| | PENDAPATAN / KUTIPAN | |
| | 2022 (RM') | 2021 (RM') |
| Kumpulan Wang Zakat | 1,067,855,832 | 992,911,959 |
| Kumpulan Wang Sumber Am | 49,909,259 | 33,749,997 |
| Kumpulan Wang Wakaf | 25,143,201 | 20,340,952 |

# PENCAPAIAN KUTIPAN ZAKAT DAN WAKAF TAHUN 2022

**a. Prestasi Zakat**

Alhamdulillah, berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun 2022, pendapatan kutipan Kumpulan Wang Zakat untuk pertama kalinya melepasi kutipan RM1.0 bilion. Kutipan bagi tahun 2022 sebanyak RM1.07 bilion dengan kenaikan sebanyak 7.5% berbanding kutipan tahun 2021. Peningkatan ini menunjukkan masyarakat telah meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk membantu dan menyantuni lapan (8) golongan asnaf di Negeri Selangor ini.

**Kutipan Zakat Mengikut Jenis Tahun 2022 (RM juta)**




Jumlah agihan pada tahun 2022 pula adalah sebanyak RM1.05 bilion. Agihan ini turut meningkat 13.8% berbanding tahun sebelumnya. Agihan zakat ini telah menyantuni lebih 350,000 orang penerima terdiri daripada lapan (8) kategori asnaf.

Pecahan agihan zakat disalurkan mengikut kepada lima (5) teras pembangunan utama iaitu Pembangunan Sosial RM701.7 juta, Pembangunan Pendidikan RM150.6 juta, Pembangunan Institusi Agama RM33.5 juta, Pembangunan Insan RM19.9 juta dan Pembangunan Ekonomi RM12.2 juta.

**Jumlah Agihan Tahun 2022 (RM Juta)**




Meskipun LZS telah membuktikan prestasi baik tahun 2022, namun pihak LZS tidak menolak hakikat peningkatan keperluan asnaf. Tambahan pula dengan kadar kemiskinan bandar yang semakin meningkat di negeri Selangor, LZS menjangkakan populasi golongan asnaf akan bertambah sehingga 400,000 penerima menjelang tahun 2025. Oleh itu, sokongan berterusan dari pengeluar zakat amat diperlukan bagi memastikan agihan zakat mencukupi untuk menampung keperluan tersebut.

Selain itu, LZS juga terus menambah baik perkhidmatan kepada pihak berkepentingan terutamanya dengan meneroka penggunaan teknologi. Justeru itu, pendigitalan menjadi fokus utama LZS yang beralih ke transaksi tanpa tunai dan meningkatkan kecekapan dengan memanfaatkan kecerdasan digital.

Pada tahun 2022 juga beberapa pencapaian lain telah dilakar oleh LZS. Ini termasuk dianugerahkan sebagai majikan pilihan oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia, pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah, dikenali sebagai ABMS, serta di senarai pendek sebagai Finalis dalam Anugerah Kecemerlangan Digital Global 2022 untuk Projek LZS dalam Zakat Digital Tanpa Tunai.

**b. Prestasi Wakaf**

Kumpulan Wang Wakaf (KWW) yang diuruskan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pula terdiri daripada Wakaf Tunai, Wakaf Khas dan Manfaat Wakaf. Tahun 2022 telah mencatatkan peningkatan dalam pendapatan sebanyak 11.49% iaitu sebanyak RM65.01 juta berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak RM58.436 juta. Dengan peningkatan ini, PWS telah berjaya menunjukkan prestasi yang baik dan positif dalam mentadbir urus wakaf harta alih dan harta tak alih di negeri Selangor.

Pada tahun 2022, PWS telah melaksanakan agihan sumbangan wakaf di bawah inisiatif Fisabilillah berjumlah RM0.579 juta. Sumbangan wakaf tersebut diserahkan kepada 22 buah institusi iaitu 2 buah masjid, 12 buah surau dan 8 buah sekolah bagi tujuan membaikpulih dan menambah baik bangunan institusi-institusi tersebut.

Sepanjang tahun 2022, terdapat penambahan 85.86 ekar tanah wakaf yang telah berjaya didaftarkan di atas nama MAIS (Wakaf). Sehingga 31 Disember 2022, hartanah wakaf yang telah didaftarkan dan diuruskan oleh PWS adalah sebanyak 1,741 ekar. Pecahan hartanah yang diuruskan adalah seperti berikut:



Selain itu, PWS juga telah berjaya menyiapkan lima (5) projek Wakaf Khas pada tahun 2022 dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM29.786 juta iaitu:

a) Pembinaan Masjid Putra Height dengan nilai berjumlah RM20.140 juta;
b) Menaik taraf Masjid Pekan Kuala Selangor (Masjid Raja Lumu) dengan nilai berjumlah RM8.594 juta;
c) Pembinaan Surau SMK Batu Laut, Kuala Langat dengan nilai berjumlah RM0.412 juta;
d) Menaik taraf Surau Al-Makmuriah, Sungai Buloh dengan nilai berjumlah RM0.5 juta; dan
e) Menaik taraf Surau An Nur, Cahaya Alam dengan nilai berjumlah RM0.140 juta.

## KECEMERLANGAN ANAK SYARIKAT MAIS 2022

Selain kutipan zakat dan wakaf, pada tahun 2022 juga menunjukkan beberapa kejayaan oleh agensi dan anak syarikat MAIS. Antaranya naik taraf Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) kepada universiti penuh dengan nama Universiti Islam Selangor (UIS). Naik taraf UIS telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Usaha naik taraf UIS ini disasarkan untuk terus membentuk dan mendidik generasi ummah menjadi insan soleh melalui dasar pendidikan yang berteraskan *ilmu naqli (revealed knowledge)* dan *ilmu aqli (acquired knowledge)* yang berpaksikan tauhid dalam melahirkan generasi profesional yang seimbang bagi menghadapi cabaran zaman.

Selain itu, bagi tahun 2022, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) juga telah berjaya untuk menyediakan dividen kepada MAIS dengan jumlah sebanyak RM200,000.00 berbanding tahun 2021 sebanyak RM192,186.00. Kenaikan dividen sebanyak 4% menunjukkan TERAS berjaya menghasilkan pendapatan yang baik dan seterusnya menerajui kecemerlangan dalam membantu menyantuni asnaf di negeri Selangor.

Tambahan, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) juga telah berjaya menguruskan seramai 8,100 orang anak yatim dengan peningkatan sebanyak 25.9 % berbanding jumlah anak yatim pada tahun 2021. Pengurusan anak yatim ini didorong dengan peningkatan rumah kebajikan yang berdaftar di bawah YIDE dengan jumlah sebanyak 25 buah rumah. Berdasarkan pencapaian ini, YIDE akan terus melangkah ke hadapan dengan membawa imej yayasan yang dipercayai, berintegriti dan amanah dalam menyantuni dan menjaga kebajikan golongan sasar.

Begitu juga pencapaian yang telah disasarkan oleh Bakti Suci Holdings Sdn Bhd. (BSHSB). Pendapatan yang dihasilkan oleh BSHSB pada tahun 2022 adalah sebanyak RM10,988,774. Keberhasilan pendapatan ini menunjukkan BSHSB terus fokus memberi tumpuan dalam peningkatan pendapatan yang menjurus kepada fokus utama perniagaan BSHSB iaitu pembinaan, sistem teknologi maklumat, rangkaian dan keselamatan.

Kekuatan dalam memperkasa MAIS agensi dan anak syarikat MAIS akan diteruskan bagi memartabatkan syiar Islam. Namun setiap kekurangan tidak diabaikan dan akan dijadikan cabaran untuk pemerkasaan MAIS bagi tahun 2023.

Akhir kata di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kejayaan MAIS serta agensi di bawahnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baiknya. Semoga komitmen yang diberikan ini menerima balasan yang setimpalnya daripada Allah S.W.T. MAIS menjunjung amanah.

Sekian, terima kasih.
Wassalam.

**YBHG. DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR**
A.I.S., P.J.K.
**SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**1952 - 2022**

# Anggota MAIS

## Sesi 2021-2023



**YAD TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF**
P.S.M., P.S.D., S.P.M.S., D.C.S.M., D.S.S.A., S.M.S., K.M.N., A.M.N.
Pengerusi MAIS



**YAD DATO' HAJI EMRAN BIN HAJI KADIR**
D.S.S.A., A.M.N.
Timbalan Pengerusi MAIS/
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling,
Orang Besar Daerah Petaling



**YB DATO' HAJI HARIS BIN KASIM**
D.P.M.S., S.I.S., A.S.A., P.P.T.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



**YB DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID**
D.P.M.S., D.S.D.K., P.K.T.
Penasihat Undang-Undang Negeri



**YB DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN**
S.M.S., P.C.M., A.M.P.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor



**YAD DATO' SETIA PROF. MADYA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR**
S.S.I.S., D.P.M.S.
Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor



**YDH CP DATO' ARJUNAIDI BIN MOHAMED**
D.I.M.P., S.M.S., S.A.P., S.M.T., P.S.K., P.S.P.P., P.P.T.
Ketua Polis Selangor



**YBHG. DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD**
D.P.M.S., P.P.T.
Sahibus Saadah Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor



**YB TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI**
P.P.T.
Pengerusi
Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal



**YAD DATO' SETIA HAJI SALEHUDDIN BIN SAIDIN**
S.S.I.S., A.M.S., P.P.T.
Salehuddin Saidin & Associates



**YDM TENGKU SERI PADUKA SHAH BANDAR TENGKU DATO' ARDY ESFANDIARI ALHAJ BIN TENGKU ABDUL HAMID SHAH ALHAJ**
D.S.I.S.
Orang Besar Istana

# Anggota MAIS
## Sesi 2021-2023



**SAHIBUL FADHILAH AL-'ALIM AL-'ARIF YAD DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID**
S.S.I.S., D.P.M.S., P.P.T.



**YBHG. PROF. DATO' DR. HAJI MUJAINI BIN TARIMIN**
D.S.I.S.
Profesor Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial
Universiti Selangor



**YBHG. PROF. MADYA DATIN PADUKA SAUDAH BINTI SULAIMAN**
D.S.I.S.
Profesor Madya
Fakulti Undang-undang



**YBHG. DATIN PADUKA NORAZLINA BINTI ZAKARIA**
D.S.I.S.
Ketua Pegawai Eksekutif
Worldwide Holdings Berhad



**YBHG. DATO' PROF. MADYA DR. HAJI MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH**
D.S.I.S., K.M.N., A.I.S.
Rektor
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



**YBHG. PROF. MADYA DR. KHADIJAH BINTI MOHD KHAMBALI @ HAMBALI**
Profesor Madya
Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



**YBHG. PROF. MADYA DR. YASMIN HANANI BINTI MOHD SAFIAN**
Profesor Madya
Fakulti Syariah Dan Undang-undang
Universiti Sains Islam Malaysia



**YDH DATO' KURNIA BAKTI DIRAJA DATO' MOHD EFFENDI BIN ABDULLAH**
D.S.I.S., S.M.S.
Bendahari Kehormat Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RACTAR)



**YBHG. TAN SRI DATO' HASHIM BIN MEON**
P.S.M., D.P.M.S., K.M.N.
Mantan Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia



**YBHG. TAN SRI MAZLAN BIN MANSOR**
P.S.M., P.S.P.P., D.P.M.S., D.P.T.S., D.I.M.P., P.C.M.
Mantan Timbalan Ketua Polis Negara

# Pengurusan Tertinggi
## Bagi Tahun 2022



**YBHG. DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR**
A.I.S., P.J.K.
Setiausaha MAIS



**PN. HAJJAH NURHANI SALWA BINTI JAMALUDDIN**
A.I.S.
Timbalan Setiausaha (Operasi)



**PN. HAJJAH NORZAIHAN BINTI MOHD ZAIN**
S.I.S.
Pengarah Kewangan



**PN. ROHANA BINTI HASSAN**
Pengarah Khidmat Pengurusan



**TN. HAJI SHAH RUDDIN BIN HAJI ABD HAMID**
A.M.S.
Pengarah Ekonomi



**EN. SUHAIMI BIN ISMAIL**
A.I.S.
Pengarah Pembangunan Sosial



**EN. INDERA SHAHRIL BIN MOHD SHAHID**
P.P.T.
Pengarah Baitulmal



**EN. MOHD FARID BIN BAHARON**
Pengarah Risiko & Pematuhan



**EN. ZAHARUDDIN BIN KADIRON**
Pengarah Teknologi Maklumat



**EN. ZAHARUDIN BIN SALIM**
Ketua Audit Dalam



**PN. NORLAILI BINTI MOHAMAD**
Pemangku Penasihat Undang-Undang

# Ketua Bahagian



**PN. MUNIRAH BINTI AMINUDDIN**
Ketua Bahagian Undang-Undang Sivil



**PN. NOR AZUREEN BINTI RAMLI**
Ketua Bahagian Risiko & Pematuhan



**PN. SITI ZURINAH BINTI ZAINAL ABIDIN**
Ketua Bahagian Kesetiausahaan



**PN. NOORMALA BINTI MOHD SA'AD**
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat



**EN. ROHAIZUL BIN MOHAMED KHOLIL**
Ketua Bahagian Kewangan



**PN. ZUNAIDAH BINTI MOHD AMRI**
Ketua Bahagian Belanjawan & Perolehan



**PN. NOOR AZIRA BINTI HJ YUNUS @ IMRAN**
Ketua Bahagian Pelaburan & Pengurusan Dana



**PN. NOR SHAFINAS BINTI BUANG**
Ketua Bahagian Sumber Manusia



**PN. SITI JALILAH BINTI MOHD TUBIN**
Ketua Bahagian Pentadbiran



**PN. SATRIATIWANGI BINTI AB RAHIM**
Ketua Bahagian Pengurusan Arkib



**PN. NORHAFIZAH BINTI OTHMAN**
Ketua Bahagian Perancangan Strategik



**EN. MOHD HAFIZ BIN ABDUL SALAM**
Ketua Pusat Penyelidikan



**EN. AHMAD HELMI BIN ABD SUKOR @ RAHMAT**
Ketua Bahagian Tadbir Urus Korporat



**PN. ROHAIDAH BINTI ABU ZAID**
Ketua Bahagian Pengurusan Hartanah



**EN. MUHAMMAD FATHI BIN ZAINAL BAHRIN**
Ketua Bahagian Pengurusan Projek



**EN. MOHD ASYRAFF BIN MOHD ALI**
Ketua Bahagian Pembangunan Ekonomi



**PN. HAFIZATULAKMAL BINTI ABDUL JALIL**
Ketua Bahagian Pendaftaran Muallaf & Pembangunan PIBK



**EN. MUHAMMAD ZULHUSNI BIN ABDUL RASHID**
Ketua Bahagian Pemulihan Ar-Riqab



**EN. MOHD ROMZI BIN ABDULLAH SANI**
Ketua Bahagian Harta Baitulmal



**TN. HAJI MOHAMMAD SALLEH BIN ABDUL SAHA**
Ketua Bahagian Dakwah & Pemasaran

# Maklumat Korporat MAIS

## VISI
"Mendaulatkan Syiar Islam"

## MISI
"Memperkasakan Ummah Selaras Dengan Hukum Syarak"

## TERAS
- Pengukuhan Akidah, Syariah dan Akhlak
- Pembangunan Sistem Sosial Islam yang Dinamik
- Pemantapan Sumber Ekonomi Islam
- Pemerkasaan Urus Tadbir dan Sistem Penyampaian
- Pemerkasaan Dasar dan Perundangan Islam

## ETIKA KERJA MAIS
"AMANAH, PRIHATIN DAN MESRA"

## MOTO MAIS
"MENGHARAP KEREDHAAN ALLAH"

## BUDAYA KERJA
"ILMU YANG TINGGI, KOMUNIKASI YANG BERKESAN"

## NILAI MURNI
"MUHASABAH, AMANAH, ISTIQAMAH, SYURA"

# Carta Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Selangor



D.Y.M.M
SULTAN SELANGOR

HUKUM SYARAK

HAL EHWAL AGAMA ISLAM

KEHAKIMAN

JABATAN MUFTI SELANGOR

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

JAWATANKUASA FATWA

JAWATANKUASA MAIS

JAWATANKUASA KAEDAH MAHKAMAH

HAKIM SYARIE / PENDAFTAR

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH SELANGOR

AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH MAIS

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

PERBADANAN WAKAF SELANGOR

SYARIKAT YANG DITUBUHKAN OLEH MAIS

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN

TERAS

BAKTISUCI HOLDINGS

BADAN EKSEKUTIF

BADAN KEHAKIMAN

*Sumber:* ***Sektor Undang-Undang, MAIS***

# Agensi & Anak Syarikat

## Majlis Agama Islam Selangor

### Bakti Suci Holding Sdn. Bhd. (BSHSB)

Pemaju hartanah dan kontraktor serta Pengurus Projek MAIS

**1982**

### Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS)

Mengagihkan makanan asas dan menyediakan latihan kemahiran kepada asnaf

**2011**

### Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Menguruskan kutipan dan agihan dana zakat bagi pihak MAIS

**1994**

### Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

Mengurus kutipan wakaf dan menyelenggara hartanah wakaf

**2011**

### Universiti Islam Selangor (UIS)

Menawarkan program pengajian dalam pelbagai bidang dari asasi hingga ke program ijazah kedoktoran

**1995**

### Yayasan Islam Darul Ehsan Selangor (YIDE)

Memberi bantuan/sumbangan kepada mangsa bencana alam, menjaga kebajikan anak yatim dan menyediakan rawatan dialisis

**2011**

Majlis Agama Islam Selangor

# PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
31 DISEMBER 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan dan Penyata Prestasi, Penyata Perubahan Dana Amanah, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 39.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Baitulmal Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan, Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Majlis;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Selangor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Agama Islam Selangor atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

3 / 4

Anggota Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 14 dalam penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Selangor berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
18 OKTOBER 2023

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

---

**PENYATA PENGURUSAN DAN SEORANG AHLI MAJLIS**

"Kami, **Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof** dan **Dato' Kurnia Bakti Diraja Dato' Mohd Effendi bin Abdullah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Selangor dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, penyata kewangan yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi, Penyata Kutipan dan Agihan Zakat, Penyata Perubahan Dana Amanah, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet serta nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya dan perubahan ekuiti serta perubahan kedudukan kewangan kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia.

Bagi pihak Majlis,

...............................................

**NAMA** : Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof

**GELARAN** : Pengerusi

**Tarikh** : 18 APR 2023

Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid
Bukit SUK, Seksyen 5
**40000 SHAH ALAM**

Bagi pihak Majlis,

...............................................

**NAMA** : Dato' Kurnia Bakti Diraja Dato' Mohd Effendi bin Abdullah

**GELARAN** : Ahli Majlis

**Tarikh** : 18 APR 2023

No. 53, Jalan USJ 2/5H
**47600 SUBANG JAYA**

Saya, **Dr. Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar (No. K.P: 700322-10-5065),** yang beralamat di Tingkat 9, Menara Utara, Bangunan Sultan Idis Shah, Persiaran Masjid, Seksyen 5, 40000 Shah Alam Selangor, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(a) saya adalah Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor dan saya telah diberi kuasa oleh Majlis untuk membuat surat akuan ini bagi pihak Majlis;

(b) penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2022, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul;

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa akuan yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui )
oleh yang tersebut namanya di atas iaitu )
**Dr. Haji Ahmad Shahir Bin Makhtar** ) ..............................
di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan )
pada ......18 APR 2023...... )

Di hadapan saya,

..............................
*Pesuruhanjaya Sumpah*

PESURUHJAYA SUMPAH
B 310
NORLIS@NORLI
BINTI ZAHARI
BC/N/590
01-01-2022
31-12-2024
MALAYSIA

Unit 12-33 & 33A, Tingkat 12,Plaza Azalea,
No.6, Persiaran Bandaraya,Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

# Penyata Kedudukan Kewangan

## Pada 31 Disember 2022

| | Nota | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2022 RM** | 2021 RM | **2022 RM** | 2021 RM |
| **ASET** | | | | | |
| **Aset Semasa** | | | | | |
| Tunai dan Kesetaraan tunai | 6 | **1,004,460,222** | 952,478,154 | **901,181,713** | 841,299,561 |
| Belum Terima | 7 | **25,165,340** | 22,159,547 | **1,723,774** | 2,582,394 |
| Belum Terima Lain | 8 | **11,252,058** | 7,360,684 | **4,541,818** | 3,092,282 |
| Agihan Wakalah Tertunda | 9 | **20,798,940** | 20,633,080 | **20,798,940** | 20,633,080 |
| Pendahuluan kepada Entiti Yang Dikawal | 10 | **-** | - | **780,000** | 600,000 |
| Pembiayaan kepada Entiti Berkaitan | 11 | **15,314,093** | 16,908,809 | **15,314,093** | 16,908,809 |
| Inventori | 12 | **477,156** | 377,609 | **-** | - |
| Aset Dalam Pembinaan | 13 | **13,249,803** | 13,216,802 | **-** | - |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **1,090,717,612** | 1,033,134,685 | **944,340,338** | 885,116,126 |
| | | | | | |
| **Aset Bukan Semasa** | | | | | |
| Pendahuluan kepada Entiti Yang Dikawal | 10 | **-** | - | **10,562,087** | 11,342,087 |
| Pelaburan dalam Entiti Yang Dikawal | 14 | **-** | - | **10,655,935** | 10,655,935 |
| Pelaburan dalam Entiti Bersekutu | 15 | **2** | 2 | **-** | - |
| Aset Kewangan Lain | 16 | **155,835,448** | 159,545,814 | **155,835,448** | 159,545,814 |
| Hartanah Pelaburan | 17 | **351,248,514** | 341,607,362 | **351,248,514** | 341,607,362 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 18 | **407,064,756** | 412,530,028 | **386,631,058** | 391,171,550 |
| Aset Tak Ketara | 19 | **117,891** | 339,181 | **116,488** | 337,078 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | | **317,460** | - | **317,460** | - |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **914,584,071** | 914,022,387 | **915,366,990** | 914,659,826 |
| | | | | | |
| **JUMLAH ASET** | | **2,005,301,683** | 1,947,157,072 | **1,859,707,328** | 1,799,775,952 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan

## Pada 31 Disember 2022 (samb.)

| | Nota | KUMPULAN 2022 RM | KUMPULAN 2021 RM | MAIS 2022 RM | MAIS 2021 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Belum Bayar | 20 | **146,993,431** | 139,799,576 | **32,992,052** | 35,978,240 |
| Belum Bayar Lain | 21 | **5,416,485** | 5,105,486 | **5,231,900** | 4,931,114 |
| Pembiayaan Bank | 22 | **114,628** | 169,893 | **-** | - |
| Wang Amanah | 23 | **16,553,143** | 9,864,161 | **16,553,143** | 9,864,161 |
| Wakaf Khas | 24 | **113,524,647** | 98,261,173 | **113,524,647** | 98,261,173 |
| Istibdal Wakaf | 25 | **2,674,412** | 2,339,144 | **2,674,412** | 2,339,144 |
| Pelan Pencen dan Ganjaran | 26 | **105,616** | 101,557 | **105,616** | 101,557 |
| Peruntukan Cukai | | **258,619** | 316,372 | **-** | - |
| | | **285,640,981** | 255,957,362 | **171,081,770** | 151,475,389 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Pembiayaan Bank | 22 | **263,295** | 423,903 | **-** | - |
| Pinjaman Mudah Dari Kerajaan Negeri | 27 | **24,811,553** | 24,666,952 | **-** | - |
| Geran Kerajaan Negeri Berkaitan Aset | 28 | **21,001** | 28,001 | **-** | - |
| Pelan Pencen dan Ganjaran | 26 | **274,215** | 221,793 | **274,215** | 221,793 |
| Pendapatan Tertunda | 29 | **4,800,000** | 5,100,000 | **4,800,000** | 5,100,000 |
| Cukai Tertunda | | **75,776** | 127,971 | **-** | - |
| | | **30,245,840** | 30,568,620 | **5,074,215** | 5,321,793 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **315,886,821** | 286,525,982 | **176,155,985** | 156,797,182 |
| **ASET BERSIH** | | **1,689,414,862** | 1,660,631,090 | **1,683,551,343** | 1,642,978,770 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan

## Pada 31 Disember 2022 (samb.)

| | Nota | KUMPULAN 2022 RM | KUMPULAN 2021 RM | MAIS 2022 RM | MAIS 2021 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **DANA AMANAH:** | | | | | |
| **Dana Terhad** | | | | | |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Zakat | | | | | |
| Wang Kutipan Belum Agih | | **493,036,743** | 474,469,862 | **493,036,743** | 474,469,862 |
| Wang Manfaat Zakat | | **17,909,625** | 7,548,902 | **17,909,625** | 7,548,902 |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Wakaf | | | | | |
| Wang Wakaf Am | | **273,346,655** | 253,141,217 | **273,346,655** | 253,141,217 |
| Wang Manfaat Wakaf | | **2,260,599** | 2,007,973 | **2,260,599** | 2,007,973 |
| **Dana Tidak terhad** | | | | | |
| Rizab Am | 30 | **61,326,890** | 60,779,294 | **61,319,887** | 60,772,291 |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Sumber Am | | **835,677,834** | 845,038,525 | **835,677,834** | 845,038,525 |
| Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Entiti Yang Dikawal | | **5,856,516** | 17,645,317 | **-** | - |
| | | **1,689,414,862** | 1,660,631,090 | **1,683,551,343** | 1,642,978,770 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan

## Pada 31 Disember 2022

| | Nota | KUMPULAN WANG WAKAF | | KUMPULAN WANG ZAKAT | | KUMPULAN WANG SUMBER AM | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| **ASET** | | | | | | | | | |
| **Aset Semasa** | | | | | | | | | |
| Tunai dan Kesetaraan tunai | 6 | **176,314,533** | 148,310,694 | **497,525,207** | 478,572,256 | **227,341,973** | 214,416,611 | **901,181,713** | 841,299,561 |
| Belum Terima | 7 | **67,445** | 86,985 | **-** | - | **1,656,329** | 2,495,409 | **1,723,774** | 2,582,394 |
| Belum Terima Lain | 8 | **963,407** | 420,686 | **-** | 136,876 | **3,578,411** | 2,534,720 | **4,541,818** | 3,092,282 |
| Agihan Wakalah Tertunda | 9 | **-** | - | **20,798,940** | 20,633,080 | **-** | - | **20,798,940** | 20,633,080 |
| Pendahuluan kepada Entiti Yang Dikawal | 10 | **-** | - | **-** | - | **780,000** | 600,000 | **780,000** | 600,000 |
| Pembiayaan kepada Entiti Berkaitan | 11 | **15,314,093** | 16,908,809 | **-** | - | **-** | - | **15,314,093** | 16,908,809 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **192,659,478** | 165,727,174 | **518,324,147** | 499,342,212 | **233,356,713** | 220,046,740 | **944,340,338** | 885,116,126 |
| **Aset Bukan Semasa** | | | | | | | | | |
| Pendahuluan kepada Entiti Yang Dikawal | 10 | **-** | - | **-** | - | **10,562,087** | 11,342,087 | **10,562,087** | 11,342,087 |
| Pelaburan dalam Entiti Yang Dikawal | 14 | **-** | - | **-** | - | **10,655,935** | 10,655,935 | **10,655,935** | 10,655,935 |
| Aset Kewangan Lain | 16 | **-** | - | **-** | - | **155,835,448** | 159,545,814 | **155,835,448** | 159,545,814 |
| Hartanah Pelaburan | 17 | **47,434,233** | 42,893,967 | **-** | - | **303,814,281** | 298,713,395 | **351,248,514** | 341,607,362 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 18 | **159,053,230** | 153,031,368 | **-** | - | **227,577,828** | 238,140,182 | **386,631,058** | 391,171,550 |
| Aset Tak Ketara | 19 | **4** | 7,969 | **-** | - | **116,484** | 329,109 | **116,488** | 337,078 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **146,180** | - | | | **171,280** | - | **317,460** | - |
| | | **206,633,647** | 195,933,304 | **-** | - | **708,733,343** | 718,726,522 | **915,366,990** | 914,659,826 |
| **JUMLAH ASET** | | **399,293,125** | 361,660,478 | **518,324,147** | 499,342,212 | **942,090,056** | 938,773,262 | **1,859,707,328** | 1,799,775,952 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# Penyata Kedudukan Kewangan

## Pada 31 Disember 2022 (samb.)

| | Nota | KUMPULAN WANG WAKAF | | KUMPULAN WANG ZAKAT | | KUMPULAN WANG SUMBER AM | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| **LIABILITI** | | | | | | | | | |
Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sesebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur

pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen diukur pada kos ditolak rosot nilai.

*Aset Kewangan diukur pada Nilai Saksama Menerusi Lebihan atau Kurangan*

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

*Aset Kewangan Merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan*

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan keuntungan ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar keuntungan efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

*Aset Kewangan Merupakan Instrumen Ekuiti diukur pada Kos ditolak Rosot nilai*

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

*Penjejasan Nilai Aset Kewangan*

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada atau kos dilunaskan, telah dirosot nilai. Bukti objektif termasuk kesukaran kewangan yang ketara oleh siberhutang, pelanggaran kontrak, kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain dan data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa akan dinilai secra kolektif untuk rosot nilai.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosot nilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukkan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta merta.

*Penyahiktirafan Aset Kewangan*

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Kumpulan dan Syarikat memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

**(f) Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak yang terlibat kontrak peruntukan bagi instrumen kewangan.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori, liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosot nilai.

*Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

**(g) Harta-harta Pemilikan**

i. **Hartanah Loji dan Peralatan**
Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan melalui perbezaan di antara anggaran hasil jualan bersih dan nilai aset yang dibawa dan diambil kira ke dalam penyata prestasi.

ii. **Susutnilai**
Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos hartanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya seperti berikut :-

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Kenderaan | 20% - 25% |
| Komputer/Perisian/Sistem | 20% - 33% |
| Mesin-mesin dan Peralatan Klinik | 10% - 20% |
| Peralatan, Perabot dan Kelengkapan Pejabat | 10% - 20% |
| Peralatan Sukan, KoKurikulum dan Makmal | 10% - 20% |
| Pengubahsuaian | 10% |
| Tanah | Mengikut Tempoh Pajakan |

iii. Hartanah yang diiktirafkan di dalam penyata ini merupakan hartanah yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan menepati piawaian MPERS 17. Kategori hartanah ini adalah seperti berikut ;

a. Hartanah yang diterima secara pemberimilikan atau secara belian dan bukan untuk tujuan kemasyarakatan

b. Hartanah Faraid sempurna milik iaitu pemilikan hartanah adalah keseluruhan bahagian hartanah dan mempunyai dokumen hak milik tanah/geran atas nama MAIS.

c. Hartanah Wakaf

iv. Terdapat hartanah yang dimiliki/didaftarkan di atas nama MAIS tetapi hartanah ini tidak diiktirafkan dalam penyata ini. Hartanah yang tidak diakaunkan merupakan hartanah yang tidak memenuhi kehendak MPERS 17 seperti berikut ;

a. Harta Faraid yang berkongsi bahagian dengan waris (hartanah ditawarkan penebusan kepada waris)

b. Hartanah yang diperolehi melalui wakaf taklik. Hartanah yang diperolehi tanpa pemilikan MAIS yang mutlak seperti hartanah yang mempunyai masalah daftar nama MAIS ataupun hartanah bukan milikan penuh MAIS (bukan satu per satu bahagian).

c. Hartanah bagi tujuan kemasyarakatan seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen Hak Milik Tanah/Geran pemilikan.

d. Hartanah yang dimiliki dengan menggunakan wang agihan zakat bagi tujuan kemasyarakatan.

Hartanah yang dinyatakan di atas tidak diiktirafkan di dalam penyata kewangan MAIS. Walau bagaimanapun ia direkodkan di dalam senarai hartanah MAIS bagi tujuan kawalan pemantauan dan pengurusan.

**(h) Pelaburan Hartanah**

Pelaburan hartanah adalah hartanah yang dipegang untuk mendapat hasil atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya ia diukur pada kos. Kos termasuklah perbelanjaan yang secara langsung menyumbang kepada perolehan pelaburan hartanah termasuk kos bahan dan buruh langsung, sebarang kos lain yang berkaitan.

Selepas pengiktirafan, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama dengan apa-apa perubahan di dalamnya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ianya berlaku. Jika nilai saksama tidak dapat ditentukan kerana kekangan terhadap kos dan usaha yang tidak wajar dihadapi oleh Kumpulan dan MAIS pelaburan hartanah dinyatakan pada amaun bawaan  atau kos tolak susut nilai terkumpul di tolak kerugian penjejasan nilai terkumpul dan sebarang penjejasan nilai terkumpul.

Nilai saksama ditentukan sekurang-kurangnya melalui sumber dalaman pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, penilaian hartanah ini tidak termasuk hartanah yang tidak mempunyai nilai komersial seperti hartanah untuk kegunaan kebajikan. Kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan diambil kira sebagai hartanah pelaburan.

**(i) Aset Tak Ketara**

Aset Tidak Ketara yang dibeli atau dibangunkan oleh pihak luar yang dilantik, diiktiraf jika aset tersebut dikenal pasti dan ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dijangka mengalir kepada Kumpulan dan MAIS dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti.

Aset tidak ketara yang terdiri daripada sistem dengan jangka hayat guna selama 5 hingga 10 tahun dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan penjejasan nilai , jika ada.

**(j) Pelaburan**

i. **Pelaburan Dalam Entiti yang dikawal**
Pelaburan MAIS dalam Entiti yang dikawal telah dikontrakan dalam akaun disatukan manakala di peringkat akaun MAIS, pelaburan dalam Entiti yang dikawal dicatatkan pada harga kos yang dilaburkan oleh MAIS

ii. **Pelaburan Dalam Entiti bersekutu**
Pelaburan dalam Entiti bersekutu adalah ditunjukkan pada kos campur keuntungan/kerugian Entiti bersekutu yang dilaburkan.

**(k) Inventori**

Inventori dinilaikan mengikut nilai yang lebih rendah antara kos (menggunakan kaedah kos purata berwajaran) dan nilai terealisasi bersih.

**(l) Sewa Beli dan Pajakan**

Aset di bawah sewa beli dan pajakan pada asasnya memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berhubung dengan pemilikan aset Kumpulan dan MAIS (pajakan kewangan), tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang dipindahkan kepada Kumpulan dan dipermodalkan di bawah Hartanah Loji dan Peralatan dan obligasi yang sepadan diperlakukan sebagai liabiliti.

Kumpulan dan MAIS pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah sewa beli dan pajakan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang di sewa beli dan pajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti.

Dasar susutnilai bagi aset sewa beli dan pajakan yang boleh disusutnilaikan adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki.

**(m) Hasil Sumber Zakat**

Hasil zakat adalah terdiri daripada kutipan zakat dan fitrah dari umat Islam di negeri Selangor seperti mana kuasa yang telah diberikan kepada MAIS melalui seksyen 86, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Termasuk di dalam hasil zakat ialah apa-apa terimaan yang terbit daripada sumber asal zakat (kutipan zakat dan fitrah) dan ianya dikelaskan sebagai Manfaat Zakat. Hasil yang diterima daripada sumber zakat akan menjadi milik Kumpulan Wang Zakat dan hanya akan dibelanjakan mengikut hukum syarak.

Laporan Kutipan dan Agihan Zakat telah disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor dan disahkan oleh Jabatan Audit Negara. Jumlah di dalam penyata ini telah disatukan di peringkat MAIS.

**(n) Hasil Sumber Wakaf**

Hasil wakaf adalah terdiri daripada sumber wakaf am, wakaf khas dan diuruskan berdasarkan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015. Hasil yang diterima daripada sumber wakaf akan menjadi milik Kumpulan Wang Wakaf mengikut peruntukan seksyen 36, Bahagian VIII, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf telah disediakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor. Jumlah di dalam penyata ini telah disatukan di peringkat MAIS.

**(o) Perletakan Hak Harta Wakaf**

MAIS adalah pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak dalam Negeri Selangor berdasarkan peruntukan seksyen 4, Bahagian II, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.

Hartanah Wakaf yang dinyatakan dalam kategori hartanah, loji dan peralatan atau pun pelaburan hartanah yang dinyatakan pada nilai semasa hanyalah bertujuan bagi memenuhi kehendak MPERS 16 dan MPERS 17. Nilai hartanah yang diiktiraf digunakan sebagai tanda aras dan untuk tujuan pengurusan sahaja di mana MAIS adalah pemegang amanah kepada hartanah yang dimiliki seperti dinyatakan di dalam enakmen dan ia bukanlah untuk tujuan jual/beli kecuali bagi nilaian untuk tujuan istibdal (jika perlu).

**(p) Pengiktirafan Pendapatan**

i. **Kutipan Zakat**
Kutipan Zakat diiktiraf menggunakan asas tunai.

ii. **Kutipan Wakaf Tunai**
Kutipan Wakaf Tunai diiktiraf menggunakan asas tunai.

iii. **Pendapatan Sewaan**
Pendapatan sewaan diiktiraf menggunakan asas akruan.

iv. **Perlaksanaan perkhidmatan**
Hasil daripada perlaksanaan perkhidmatan diiktiraf dengan merujuk kepada peringkat penyiapan urusniaga tersebut pada akhir tempoh pelaporan apabila hasil urusniaga tersebut boleh dianggarkan dengan pasti. Peringkat penyiapan ditentukan berdasarkan kepada nisbah kos yang ditanggung bagi perkhidmatan yang diberikan sehingga tarikh terkini kepada anggaran jumlah kos.

v. **Keuntungan Pelaburan Kewangan**
Keuntungan pelaburan diiktiraf berasaskan akruan. Ia diambil kira berdasarkan jangkaan pulangan yang akan diterima.

vi. **Kontrak Pembinaan**
Apabila keputusan daripada aktiviti kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak yang berkaitan dengan pembinaan kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat penyiapan aktiviti kontrak tersebut pada akhir tempoh pelaporan. Peringkat penyiapan ditentukan berdasarkan nisbah kos kontrak yang dilibatkan bagi kerja yang dilakukan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak adalah diiktiraf hanya setakat kos kontrak yang dilibatkan yang mana ia berkemungkinan akan diperolehi semula dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Apabila terdapat kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta, dengan peruntukan yang bersamaan bagi kontrak yang membebankan.

vii. **Hasil Pembangunan Hartanah**
Dasar perakaunan bagi pengiktirafan hasil daripada jualan hartanah pembangunan didedahkan dalam dasar perakaunan bagi Aktiviti Pembangunan Hartanah.

viii. **Lain-lain Hasil**
Lain-lain hasil diiktiraf apabila risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan barang atau perkhidmatan telah dipindahkan kepada pelanggan.

**(q) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Mengikut prinsip, cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai untuk digunakan atas perbezaan sementara yang boleh dipotong, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam sesuatu transaksi yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak mengakibatkan perubahan kepada keuntungan perakaunan dan juga keuntungan bercukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tahun apabila aset itu direalisasikan, atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan termasuk dalam untung atau rugi bagi tempoh kecuali jika ia timbul dari urusniaga yang diiktiraf secara langsung di ekuiti, di mana cukai tertunda itu juga dikenakan atau dikreditkan secara langsung di ekuiti, atau jika ia timbul dari kombinasi perniagaan secara pengambilalihan, cukai tertunda itu dimasukkan ke dalam muhibah atau sebarang lebihan kepentingan sipengambil dalam nilai saksama aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luar jangka kumpulan dan entiti yang diambil alih yang dikenal pasti ke atas kos pengambilalihan.

**(r) Manfaat Pekerja**

i. **Manfaat Jangka Pendek**
Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan MAIS. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

ii. **Pelan Caruman Wajib**
Pihak majikan perlu menyediakan pelan caruman wajib sebagai ganjaran selepas perkhidmatan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi sebagaimana ia ditanggung.

iii. **Manfaat Jangka Panjang**
Bayaran manfaat pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf secara akruan dalam penyata prestasi tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Pelan Pencen dan Ganjaran.

**(s) Geran Kerajaan**

Geran yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam lebihan atau kurangan hanya apabila syarat-syarat prestasi dipenuhi.

Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

**(t) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan dan di bank serta pelaburan jangka pendek yang berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

**(u) Liabiliti Luar Jangka**

Suatu liabiliti luar jangka perlu didedahkan bagi kes-kes di mana jumlah yang terlibat adalah material dan para pengarah berpendapat bahawa pendedahan adalah perlu, kecuali kemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi adalah tipis dan jumlah aliran tunai keluar tidak dapat dikenalpasti dengan jelas.

## 4. Penggunaan Anggaran Dan Pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

**(a) Pertimbangan Kritikal Dalam Mengguna Pakai Dasar Perakaunan**

Pertimbangan yang telah dibuat oleh pengurusan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan dan yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan adalah didedahkan dalam nota masing-masing.

**(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

Anggaran utama berkenaan masa depan, dan sumber utama ketidapastian anggaran lain-lain pada tempoh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang menyebabkan pelarasan penting terhadap amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya adalah didedahkan dalam nota masing-masing.

## 5. Dasar Pengurusan Risiko

Objektif pengurusan risiko kewangan secara keseluruhannnya adalah untuk memastikan MAIS menambah nilai dana Kumpulan Wang. Pengurusan risiko kewangan dilakukan dengan memberikan penekanan ke atas sistem kawalan dalaman MAIS dan juga dengan melakukan analisis ke atas risiko-risiko oleh pihak pengurusan.

Di antara risiko-risiko yang dikenalpasti adalah ;

**(a) Risiko Kredit**

Risiko kredit ialah risiko pelaburan yang tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau keuntungan, yang telah cukup tempohnya disebabkan oleh kemungkinan oleh penerbit hutang atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada MAIS. Satu rangka kerja risiko kredit untuk mengawasi pelaburan dan tahap dedahan kredit yang dibenarkan oleh MAIS telah disediakan. Ini memastikan pelaburan yang dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang tinggi dan kebarangkalian mengalami kerugian dapat diminimakan.

Rangka kerja yang diluluskan oleh MAIS ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang tersirat dalam harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Ini menambah baik rangka kerja kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

**(b) Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan oleh MAIS terhadap pergerakan dalam harga pasaran seperti kadar pertukaran asing, kadar faedah/ keuntungan dan harga ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau pada asas yang telah ditetapkan dan semua pelaburan serta instrumen akan dinilai mengikut pasaran. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh MAIS mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza selagi dalam lingkungan/ julat yang dibenarkan dan menepati dasar pelaburan kewangan yang telah diluluskan oleh MAIS.

Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh MAIS. Analisis kepekaan dan ujian ketahanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengkut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

Risiko pasaran merujuk kepada risiko kemerosotan pasaran saham yang akan mengakibatkan penurunan di dalam nilai unit saham pegangan pengurus. Bagi menangani risiko pasaran ini, pengurusan telah mempelbagaikan pelaburan kepada saham-saham amanah dan deposit tetap.

**(c) Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ditafsirkan sebagai kesan negatif kepada keadaan kewangan MAIS dan kekukuhan yang boleh timbul daripada ketidakupayaan (atau persepsi ketidakupayaan) untuk memenuhi tanggungannya.

Dalam pengurusan kecairan harian, operasi perbendaharaan akan memastikan pembiayaan yang mencukupi untuk memenuhi pembayaran harian dan penyelesaian tanggungan tepat pada masanya.

MAIS mengawal risiko kecairannya dengan mengekalkan sebahagian pelaburan dalam aset kewangan yang cair dalam bentuk deposit (Simpanan Tetap)dengan institusi kewangan yang membolehkannya memenuhi komitmen kewangan jangka masa pendek.

**(d) Risiko Operasi**

Risiko Operasi ialah risiko kerugian akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh diwujudkan untuk membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi MAIS supaya tindakan boleh diambil bagi mengurus jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

**(e) Risiko Tidak Patuh Syariah**

Merupakan risiko di mana status pegangan sekuriti-sekuriti patuh Syariah yang dimiliki di dalam portfolio pelaburan Syariah mungkin bertukar status kepada tidak patuh Syariah apabila di nilai semula oleh Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sekiranya perubahan status ini berlaku, nilai pelaburan mungkin akan menyusut apabila langkah untuk melupuskan sekuriti-sekuriti yang terlibat diambil sepertimana dinasihati oleh Penasihat Syariah atau Jawatankuasa yang berkaitan.

## 6. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | **20212**<br>**RM** | 2021<br>RM | **2022**<br>**RM** | 2021<br>RM |
| Simpanan dan Pelaburan Jangka Pendek | **417,222,594** | 434,822,594 | **327,170,000** | 335,070,000 |
| Tunai di Bank dan Tunai di Tangan | **128,854,776** | 97,880,098 | **115,628,861** | 86,454,099 |
| Wang Belum Pindah (i) | **282,068,319** | 271,464,768 | **282,068,319** | 271,464,768 |
| Wang Wakaf (ii) | **176,314,533** | 148,310,694 | **176,314,533** | 148,310,694 |
| | **1,004,460,222** | 952,478,154 | **901,181,713** | 841,299,561 |

**Nota ;**

(i) Wang Belum Pindah adalah wang kutipan zakat yang telah dikutip oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan masih berada di dalam akaun bank LZS untuk di pindahkan ke dalam Akaun Induk MAIS.

(ii) Wang Wakaf adalah akaun bank dan simpanan jangka pendek yang didaftarkan dan diuruskan sepenuhnya oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bagi melaksanakan urusan terimaan dan pembayaran bagi Kumpulan Wang Wakaf.

## 7. Belum Terima

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM | **2022 RM** | 2021 RM |
| Penghutang Perniagaan | **23,485,247** | 19,603,078 | **13,620** | 2,994 |
| Sewa Premis | **583,723** | 1,992,693 | **613,784** | 2,015,624 |
| Tebus Pesaka | **1,233,688** | 1,298,495 | **1,233,688** | 1,298,495 |
| Pendahuluan Projek | **1,637,658** | 1,637,658 | **1,637,658** | 1,637,658 |
| | **26,940,316** | 24,531,924 | **3,498,750** | 4,954,771 |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu | **(1,774,976)** | (2,372,377) | **(1,774,976)** | (2,372,377) |
| | **25,165,340** | 22,159,547 | **1,723,774** | 2,582,394 |

## 8. Belum Terima Lain

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM | **2022 RM** | 2021 RM |
| Pinjaman Kakitangan | **228,299** | 134,593 | **228,299** | 134,593 |
| Pelbagai Penghutang dan Prabayar | **4,067,037** | 2,091,538 | **1,824,625** | 764,822 |
| Pelbagai Deposit dan Pendahuluan | **3,912,167** | 2,590,291 | **261,901** | 216,674 |
| Cukai Dikembalikan | **817,562** | 568,069 | **-** | - |
| Keuntungan Pelaburan Belum Diterima | **2,242,218** | 1,991,418 | **2,242,218** | 1,991,418 |
| | **11,267,283** | 7,375,909 | **4,557,043** | 3,107,507 |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu | **(15,225)** | (15,225) | **(15,225)** | (15,225) |
| | **11,252,058** | 7,360,684 | **4,541,818** | 3,092,282 |

## 9. Agihan Wakalah Tertunda

Agihan wakalah tertunda merupakan baki akaun agihan zakat (pendahuluan yang diberikan oleh pihak MAIS) yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) bagi tujuan agihan kepada penerima asnaf, termasuk agihan yang telah diperuntukan tetapi belum dijelaskan (bayar).

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| Pendahuluan kepada LZS | **21,105,209** | 20,287,462 |
| Pendahuluan kepada TERAS | **(306,269)** | 345,618 |
| | **20,798,940** | 20,633,080 |

## 10. Pendahuluan Kepada Entiti Yang Dikawal

| | MAIS 2022 RM | MAIS 2021 RM |
|---|---|---|
| Pendahuluan Jangka Pendek | | |
| Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. | **780,000** | 600,000 |
| | **780,000** | 600,000 |
| Pendahuluan Jangka Panjang | | |
| Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. | **3,388,304** | 4,168,304 |
| Bakti Suci Holding Sdn.Bhd. | **7,173,783** | 7,173,783 |
| | **10,562,087** | 11,342,087 |

## 11. Pembiayaan Kepada Entiti Berkaitan

| | MAIS 2022 RM | MAIS 2021 RM |
|---|---|---|
| Perbadanan Wakaf Selangor | **6,396,952** | 6,396,952 |
| Urus Maju Ehsan Sdn Bhd * | **8,917,141** | 10,511,857 |
| | **15,314,093** | 16,908,809 |

* Pembiayaan ini diberikan kepada Urus Maju Ehsan (M) Sdn.Bhd, iaitu sebuah anak syarikat milik penuh Perbadanan Wakaf Selangor bagi membiayai kos projek yang dilaksanakan oleh anak syarikat. Pembiayaan ini mempunyai tempoh bayaran balik seperti yang telah ditetapkan.

## 12. Inventori

| | KUMPULAN 2022 RM | KUMPULAN 2021 RM |
|---|---|---|
| Buku-Buku | **324,319** | 328,711 |
| Barang-barang runcit (Keperluan harian) | **152,837** | 48,898 |
| | **477,156** | 377,609 |

## 13. Aset Dalam Pembinaan

| | KUMPULAN 2022 RM | KUMPULAN 2021 RM |
|---|---|---|
| Pada awal tahun Kewangan | **13,216,802** | 13,307,092 |
| Penambahan semasa tahun Kewangan | **33,001** | (90,290) |
| Pada akhir tahun Kewangan | **13,249,803** | 13,216,802 |

## 14. Pelaburan Dalam Entiti Yang Dikawal

| | MAIS 2022 RM | MAIS 2021 RM |
|---|---|---|
| Kos pelaburan | | |
| Bakti Suci Holding Sdn. Bhd. | **6,885,428** | 6,885,428 |
| Teraju Ekonomi Asnaf Zakat Sdn. Bhd. | **770,507** | 770,507 |
| Kolej Universiti Islam Selangor Sdn. Bhd. (KUIS) | **3,000,000** | 3,000,000 |
| | **10,655,935** | 10,655,935 |

Senarai kepentingan MAIS dalam Entiti yang dikawal adalah seperti berikut:

| NAMA SYARIKAT | PEGANGAN EKUITI 2022 | PEGANGAN EKUITI 2021 | AKTIVITI UTAMA |
|---|---|---|---|
| i). Bakti Suci Holding Sdn Bhd | 100% | 100% | Pelaburan, pemilikan dan pengurusan entiti |
| *dan entiti yang dikawal* | | | |
| - Bakti Suci Properties Sdn Bhd | 100% | 100% | Kontraktor, pembangunan hartanah dan pengurusan projek MAIS dan Kerajaan Negeri |
| - Bakti Suci Solution Sdn Bhd | 100% | 100% | Kontraktor teknologi maklumat dan telekomunikasi jalur lebar halal |
| * - Bakti Suci Project Management Sdn Bhd | 100% | 100% | Pengurusan dan pembangunan hartanah |
| - Bakti Suci Integrated Services Sdn Bhd | 100% | 100% | Perkhidmatan penyelenggaraan dan pembersihan serta pengurusan kawasan letak kenderaan |
| *dan entiti yang dikawal* | | | |
| - Bakti Suci Health Care Sdn Bhd | 100% | 100% | Perkhidmatan kesihatan |
| ii). Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. | 100% | 100% | Pengurusan Projek Komersial Asnaf |
| iii). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. | 100% | 100% | Institusi pengajian tinggi |
| *dan entiti yang dikawal* | | | |
| - Kuiscell Sdn Bhd | 100% | 100% | Perkhidmatan latihan |

## 15. Pelaburan Dalam Entiti Bersekutu

| | MAIS 2022 RM | MAIS 2021 RM |
|---|---|---|
| Saham pada kos | **4,208,439** | 4,208,439 |
| Bahagian keuntungan/(kerugian) | **(15,481)** | (15,481) |
| Penjejasan Nilai | **(4,192,956)** | (4,192,956) |
| | **2** | 2 |

Maklumat Entiti bersekutu Kumpulan adalah seperti berikut:-

**Pegangan Secara Tidak Langsung**

| NAMA SYARIKAT | PEGANGAN EKUITI | | AKTIVITI UTAMA |
|---|---|---|---|
| | 2022 | 2021 | |
| i). Pusrawi SMC Sdn. Bhd. | 48% | 48% | Perkhidmatan Kesihatan |
| ii). Pancar Bakti Sdn.Bhd | 30% | 30% | Penyedia Menara Telekomunikasi |

Pegangan saham ekuiti Pusrawi SMC Sdn.Bhd oleh Kumpulan adalah melalui syarikat Bakti Suci Integrated Services Sdn Bhd.

Pegangan saham ekuiti Pancar Bakti Sdn Bhd oleh Kumpulan adalah melalui syarikat Bakti Suci Solution Sdn Bhd.

## 16. Aset Kewangan Lain

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| (i) Pelaburan Saham dan Mandat Persendirian | | |
| ***Pada kos:*** | | |
| Baki pelaburan pada awal tahun | **119,545,814** | 118,162,325 |
| (+) Pertambahan pada tahun semasa | **-** | 26,427,542 |
| (-) Pengurangan pada tahun semasa | **-** | (14,557,168) |
| Perubahan nilai saksama pelaburan | **(3,710,366)** | (10,486,885) |
| ***Baki pelaburan pada akhir tahun*** | **115,835,448** | 119,545,814 |
| (ii) Pelaburan Jangka Panjang | **40,000,000** | 40,000,000 |
| | **155,835,448** | 159,545,814 |

**Nota ;**

(i) Pelaburan Saham dan Mandat yang dilaksanakan oleh MAIS adalah di dalam saham tersiar harga dalam negara dan pelaburan dalam mandat persendirian di institusi berlesen dan patuh syariah.

(ii) Pelaburan jangka panjang adalah terdiri daripada akaun pelaburan melebihi tempoh satu tahun di bank-bank dan Institusi kewangan yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak. Kadar keuntungan pelaburan adalah sebanyak 2.10% - 5.00% (2021: 1.80% - 2.20%)

## 17. Pelaburan Hartanah

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | **2022**<br>**RM** | 2010<br>RM |
| Baki pada awal tahun | **341,607,362** | 341,404,024 |
| (+) Pertambahan pada tahun semasa | **3,776,080** | - |
| (-) Pelupusan/pelarasan pada tahun semasa | **(3,398,480)** | (2,593,862) |
| Peningkatan kepada Nilai Hartanah | **9,263,552** | 2,797,200 |
| Baki pada akhir tahun | **351,248,514** | 341,607,362 |

## 18. Hartanah, Logi Dan Peralatan

| KUMPULAN | Tanah RM | Bangunan RM | Kenderaan RM | Peralatan, Perabot dan Kelengkapan Pejabat RM | Komputer & Perisian RM | Buku-Buku dan Bekalan Lain RM | Mesin-mesin dan Peralatan Klinik RM | Peralatan Sukan, Kokurikulum dan Makmal RM | Ubahsuai RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **KOS** | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2022 | 377,694,664 | 20,175,574 | 6,387,226 | 27,053,890 | 21,947,250 | 9,748,039 | 600,593 | 249,276 | 22,811,734 | **486,668,246** |
| Tambahan | 10,928,400 | - | 2 | 568,986 | 562,822 | 229,250 | 155,069 | 45,500 | 492,719 | **12,982,748** |
| Pelupusan/Pelarasan | - | - | (41,755) | (34,531) | (192,635) | - | (1,029) | (74,870) | (800,586) | **(1,145,406)** |
| Pada 31 Disember 2022 | **388,623,064** | **20,175,574** | **6,345,473** | **27,588,345** | **22,317,437** | **9,977,289** | **754,633** | **219,906** | **22,503,867** | **498,505,588** |
| **SUSUT NILAI TERKUMPUL** | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2022 | 7,135,608 | 2,062,765 | 5,677,313 | 23,541,110 | 20,554,736 | 8,805,689 | 140,616 | 237,489 | 5,982,892 | **74,138,218** |
| Tambahan | 3,075,452 | 403,510 | 264,336 | 1,156,256 | 1,201,950 | 154,968 | 72,886 | 3,947 | 457,767 | **6,791,072** |
| Pelupusan/Pelarasan | 10,852,693 | - | (41,747) | (35,469) | (191,841) | - | - | (72,094) | - | **10,511,542** |
| Pada 31 Disember 2022 | **21,063,753** | **2,466,275** | **5,899,902** | **24,661,897** | **21,564,845** | **8,960,657** | **213,502** | **169,342** | **6,440,659** | **91,440,832** |
| **NILAI BUKU BERSIH** | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2022 | **367,559,311** | **17,709,299** | **445,571** | **2,926,448** | **752,592** | **1,016,632** | **541,131** | **50,564** | **16,063,208** | **407,064,756** |
| Pada 31 Disember 2021 | **370,559,056** | **18,112,809** | **709,913** | **3,512,780** | **1,392,514** | **942,350** | **459,977** | **11,787** | **16,828,842** | **412,530,028** |

## 19. Hartanah, Logi Dan Peralatan (samb.)

| MAIS | Tanah | Bangunan | Peralatan Pejabat | Perabot & Lengkapan | Alat Bekalan Lain | Komputer & Perisian | Kenderaan | Ubahsuai | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **KOS** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2022 | 377,694,664 | 19,018,108 | 567,880 | 230,713 | 11,656 | 6,721,069 | 1,217,358 | 4,965,868 | **410,427,316** |
| Tambahan | 10,928,400 | - | 63,363 | 14,850 | - | 319,103 | - | - | **11,325,716** |
| Pelupusan/Pelarasan | - | - | - | - | - | - | (41,747) | - | **(41,747)** |
| Pada 31 Disember 2022 | **388,623,064** | **19,018,108** | **631,243** | **245,563** | **11,656** | **7,040,172** | **1,175,611** | **4,965,868** | **421,711,285** |
| **SUSUT NILAI TERKUMPUL** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2022 | 7,135,608 | 1,595,832 | 357,960 | 216,764 | 11,656 | 5,644,403 | 1,003,463 | 3,290,080 | **19,255,766** |
| Tambahan | 3,075,452 | 380,362 | 55,200 | 6,159 | - | 958,266 | 108,883 | 429,193 | **5,013,515** |
| Pelupusan/Pelarasan | 10,852,693 | - | - | - | - | - | (41,747) | - | **10,810,946** |
| Pada 31 Disember 2022 | **21,063,753** | **1,976,194** | **413,160** | **222,923** | **11,656** | **6,602,669** | **1,070,599** | **3,719,273** | **35,080,227** |
| **NILAI BUKU BERSIH** | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2022 | **367,559,311** | **17,041,914** | **218,083** | **22,640** | **-** | **437,503** | **105,012** | **1,246,595** | **386,631,058** |
| Pada 31 Disember 2021 | **370,559,056** | **17,422,276** | **209,920** | **13,949** | **-** | **1,076,666** | **213,895** | **1,675,788** | **391,171,550** |

**Nota ***

i. Jumlah Hartanah Loji dan Peralatan adalah terdiri daripada berikut ;

a) Kumpulan Wang Sumber Am RM227,577,828

b) Kumpulan Wang Wakaf RM159,053,230

## 19. Aset Tak Ketara

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| (i) Muhibbah | **1,403** | 2,103 | **-** | - |
| (ii) Sistem | | | | |
| **Kos** | | | | |
| Pada 1 Januari | **5,669,119** | 5,573,592 | **5,669,119** | 5,573,592 |
| Tambahan | **-** | 95,527 | **-** | 95,527 |
| Pada 31 Disember | **5,669,119** | 5,669,119 | **5,669,119** | 5,669,119 |
| **Susut Nilai** | | | | |
| Pada 1 Januari | **5,332,041** | 4,924,885 | **5,332,041** | 4,924,885 |
| Tambahan | **220,590** | 407,156 | **220,590** | 407,156 |
| Pada 31 Disember | **5,552,631** | 5,332,041 | **5,552,631** | 5,332,041 |
| **NILAI BUKU BERSIH** | **117,891** | 339,181 | **116,488** | 337,078 |

**Nota :**

(i) Muhibbah timbul dalam penyata kewangan syarikat subsidiari hasil dari pengambilalihan perniagaan.

(ii) Sistem terdiri daripada sistem yang diguna pakai bagi pengoperasian MAIS seperti sistem kewangan, sumber manusia dan lain-lain.

## 20. Belum Bayar

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| Pemiutang Perniagaan | **3,864,257** | 1,450,522 | **1,831,244** | 13,698 |
| Pelbagai Pemiutang | **60,647,554** | 49,377,901 | **20,993,975** | 18,554,673 |
| Perbelanjaan Akruan | **82,481,620** | 88,971,153 | **10,166,833** | 17,409,869 |
| | **146,993,431** | 139,799,576 | **32,992,052** | 35,978,240 |

## 21. Belum Bayar Lain

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2020 RM |
| Prabayar, Deposit Sewa Premis Dan Utiliti | **3,460,140** | 3,386,137 | **3,460,140** | 3,386,137 |
| Deposit Jualan Tanah & Premis | **19,000** | 44,000 | **19,000** | 44,000 |
| Cagaran Tender dan Kerja | **478,408** | 535,853 | **478,408** | 535,853 |
| Lain-lain Deposit dan Pendahuluan | **1,458,937** | 1,139,496 | **1,274,352** | 965,124 |
| | **5,416,485** | 5,105,486 | **5,231,900** | 4,931,114 |

## 22. Pembiayaan Bank

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2022 RM | 2021 RM |
| ***Pembiayaan Jangka Pendek*** | | |
| Sewa Beli (Nota i) | **104,821** | 160,086 |
| Pembiayaan Berjangka (Nota ii) | **9,807** | 9,807 |
| | **114,628** | 169,893 |
| ***Pembiayaan Jangka Panjang*** | | |
| Sewa Beli (Nota i) | **95,487** | 243,632 |
| Pembiayaan Berjangka (Nota ii) | **167,808** | 180,271 |
| | **263,295** | 423,903 |

### i. PEMBIAYAAN SEWA BELI

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | 2022 RM | 2021 RM |
| **Jumlah terhutang:** | | |
| Pemiutang pembiayaan bank | **244,237** | 470,932 |
| Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh | **(43,929)** | (67,214) |
| | **200,308** | 403,718 |
| **Bahagian yang perlu dibayar:** | | |
| Pembayaran balik dalam masa 1 tahun | **104,821** | 160,086 |
| Pembayaran balik selepas 1 tahun hingga 5 tahun | **95,487** | 243,632 |
| | **200,308** | 403,718 |

### ii. PEMBIAYAAN BERJANGKA

Pembiayaan berjangka merupakan pembiayaan Bai'Bithaman Ajil yang dimeterai oleh Entiti yang dikawal bagi tujuan pembelian 1 unit rumah kedai.

## 23. Wang Amanah

Wang Amanah adalah Amanah yang diwujudkan berdasarkan seksyen 5(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Wang Amanah terdiri daripada;

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| Fidyah dan Kaffarah | **11,190,948** | 6,963,721 |
| Pelbagai Amanah (Nota i) | **5,362,195** | 2,900,440 |
| | **16,553,143** | 9,864,161 |

(i) Pelbagai Amanah terdiri daripada;

| | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|
| Amanah Wasiat dan Harta Pusaka | 701,004 | 415,322 |
| Tabung Sumbangan Anak Yatim | 336,626 | 323,485 |
| Tabung Amanah Ar-Riqab | 1,505,424 | 1,415,345 |
| Tabung Amanah Bencana | 2,391,087 | 455,000 |
| Tabung Amanah Korporat | 66,850 | 80,612 |
| Tabung Amanah Penyelidikan | 99,372 | 140,676 |
| Tabung Amanah Wakalah | 190,920 | - |
| Wang Derma Hj Zainal Abidin Omar & Asiha Mohd | 70,912 | 70,000 |
| | **5,362,195** | 2,900,440 |

**Nota:**
MAIS melantik Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (entiti yang dikawal oleh MAIS) sebagai pembekal makanan kering bagi tujuan agihan fidyah.

## 24. Wakaf Khas

Wakaf Khas merupakan sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak seperti yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| Baki Wakaf Khas terdiri daripada : | | |
| Baki Awal Tahun | **98,261,173** | 76,299,365 |
| (+) Kutipan/Terimaan tahun semasa | **51,967,613** | 48,583,716 |
| (-) Agihan/Perbelanjaan tahun semasa | **(36,704,139)** | (26,621,908) |
| Baki Akhir Tahun | **113,524,647** | 98,261,173 |

## 25. Istibdal Wakaf

Istibdal adalah menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya samada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain yang menurut hukum syarak seperti mana yang dinyatakan di dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| Baki Istibdal terdiri daripada : | | |
| Tanah di Telok Gadong, Klang | **1,401,584** | 1,405,872 |
| Tanah di Hulu Klang | **18,201** | 18,201 |
| Tanah di Pekan Kajang | **530,550** | 530,550 |
| Tanah di Mukim Meru Klang | **32,360** | 32,360 |
| Tanah di Mukim Ijok | **352,161** | 352,161 |
| Tanah di Mukim Tanjung | **339,556** | - |
| | **2,674,412** | 2,339,144 |

## 26. Pelan Pencen Dan Ganjaran

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| Pelan Pencen dan Ganjaran Jangka Pendek | | |
| Baki Awal Tahun | **101,557** | 19,035 |
| (+) Pertambahan tahun semasa | **15,669** | 101,557 |
| (-) Bayaran tahun semasa | **(11,610)** | (19,035) |
| Baki Akhir Tahun | **105,616** | 101,557 |
| | | |
| Pelan Pencen dan Ganjaran Jangka Panjang | | |
| Baki Awal Tahun | **221,793** | 187,905 |
| (+) Pertambahan tahun semasa | **52,422** | 33,888 |
| (-) Bayaran tahun semasa | **-** | - |
| Baki Akhir Tahun | **274,215** | 221,793 |

## 27. Pinjaman Mudah Dari Kerajaan Negeri

Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor yang mana pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang margin keuntungan. Pinjaman tersebut perlu dibayar dalam tempoh 10 tahun bermula pada tahun 2009. Pertambahan pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri tanpa margin keuntungan diterima pada 11 Mei 2016. Pinjaman tambahan tersebut perlu dibayar dalam tempoh 15 tahun setelah pinjaman dikeluarkan.

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri | **24,811,553** | 24,666,952 |

## 28. Geran Kerajaan Negeri Berkaitan Aset

| | KUMPULAN | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| Baki pada 1 Januari | **28,001** | 35,001 |
| Pelunasan - dipindah pada penyata pendapatan | **(7,000)** | (7,000) |
| Baki pada 31 Disember | **21,001** | 28,001 |

## 29. Pendapatan Tertunda

| | MAIS | |
|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM |
| Baki Awal Tahun | **5,100,000** | 5,400,000 |
| (-) Pelunasan pada penyata prestasi | **(300,000)** | (300,000) |
| | **4,800,000** | 5,100,000 |

## 30. Rizab Am

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM | **2022 RM** | 2021 RM |
| Baki pada 1 Januari | **60,779,294** | 60,779,294 | **60,772,291** | 60,772,291 |
| Pertambahan rizab | **547,596** | - | **547,596** | - |
| Baki pada 31 Disember | **61,326,890** | 60,779,294 | **61,319,887** | 60,772,291 |

Rizab Am adalah daripada dana Kumpulan Wang Sumber Am bagi tujuan meningkatkan simpanan kewangan MAIS untuk jangka masa panjang dan menghadapi ketidaktentuan pada masa hadapan.

## 31. Emolumen

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM | **2022 RM** | 2021 RM |
| Ganjaran Ahli MAIS: | | | | |
| Elaun Tetap Ahli Mesyuarat | **315,500** | 301,000 | **315,500** | 301,000 |
| Elaun Khas MAIS | **328,800** | 305,000 | **328,800** | 305,000 |
| | **644,300** | 606,000 | **644,300** | 606,000 |
| | | | | |
| Kos Kakitangan: | | | | |
| Gaji, Imbuhan dan Elaun | **54,263,075** | 54,332,053 | **11,887,064** | 9,840,972 |
| Sumbangan Pelan Caruman Wajib | **2,603,081** | 2,425,086 | **2,405,638** | 2,241,298 |
| Lain-Lain Manfaat Kakitangan | **1,059,625** | 807,303 | **858,039** | 732,507 |
| | **57,925,781** | 57,564,442 | **15,150,741** | 12,814,777 |

## 32. Cukai

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM | **2022 RM** | 2021 RM |
| Cukai tahun semasa | **460,689** | - | **1,645,271** | - |

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan berkenaan ke atas keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun ke atas perbelanjaan cukai pendapatan, pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:-

| | KUMPULAN | | MAIS | |
|---|---|---|---|---|
| | **2022 RM** | 2021 RM | **2022 RM** | 2021 RM |
| Lebihan sebelum cukai | **29,459,704** | 89,620,787 | **40,787,816** | 93,450,299 |
| | | | | |
| Cukai pada kadar 17% (2020:17%) | **364,621** | 158,420 | **-** | - |
| Cukai pada kadar 24% | **(3,187,381)** | (1,298,993) | **-** | - |
| Cukai pada kadar 30% | **12,236,345** | 28,035,090 | **12,236,345** | 28,035,090 |
| Pengecualian cukai | **(12,236,345)** | (28,035,090) | **(12,236,345)** | (28,035,090) |
| Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak dibenarkan | **3,047,058** | 2,664,925 | **-** | - |
| Kesan cukai ke atas pendapatan yang tidak dikenakan cukai | **-** | (876) | **-** | - |
| Cukai tertunda tidak diiktiraf pada tahun semasa | **260,087** | 121,745 | **-** | - |
| Liabiliti Cukai Tertunda | **(3,327)** | (660) | **-** | - |
| Kekurangan/lebih peruntukan pada tahun-tahun terdahulu | **(20,369)** | 710 | **-** | - |
| | **460,689** | 1,645,271 | **-** | - |

## 33. Liabiliti Luar Jangka

**MAIS**

Sehingga tahun kewangan 31 Disember 2021, terdapat satu (1) kes tuntutan pembatalan perjanjian konsesi berkaitan Pembangunan Kediaman Pelajar dan Pusat Pelajar, KUIS secara 'Build, operate and transfer (BOT)' yang melibatkan MAIS dan entiti yang dikawal. Sehingga kini, Mahkamah Tinggi Shah Alam sedang dalam proses pengurusan kes bagi menetapkan jumlah taksiran.

## 34. Angka Perbandingan

Angka perbandingan bagi Penyata Kewangan yang disatukan antara MAIS dan Entiti yang dikawal dalam kumpulan telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa

Majlis Agama Islam Selangor

# PELAN STRATEGIK MAIS 2020-2024

PENCAPAIAN JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2022



# PELAN STRATEGIK MAIS 2020 - 2024
## PENCAPAIAN JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2022




01 PEMERKASAAN USAHAWAN MUSLIM DALAM INDUSTRI HALAL

02 MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER EKONOMI ISLAM

03 MEMPERKASA INSTITUSI MASJID SEBAGAI PUSAT PENGUPAYAAN UMMAH

04 MENJADI INSTITUSI PENTADBIRAN ISLAM YANG MAJU, INOVATIF DAN INTEGRITI

05 KERJASAMA YANG MAMPAN ANTARA AGENSI

06 MEMPERKASAKAN INSTITUSI KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

07 MEMANTAPKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SEDIA ADA

**VISI** Mendaulatkan Syiar Islam

Memperkasakan ummah selaras dengan hukum syarak **MISI**







Pencapaian PSM Sehingga Disember 2022



# PELAN STRATEGIK MAIS 2020 - 2024
## PENCAPAIAN JANUARI SEHINGGA DISEMBER 2022

## PENCAPAIAN INISIATIF

### TERAS AKIDAH — 26%

PENGUKUR UTAMA

N1: Pelan Dakwah Negeri Selangor

| | |
|---|---|
| N1: Bilangan aduan ajaran sesat | 2020 : 40 Aduan<br>2021 : 41 Aduan<br>2022 : 14 Aduan |
| N1: Dapatkan postif dari kaji selidik berkala | Kajian Pengurusan Rabbani pada Januari 2023 |

### TERAS SOSIAL — 25.1%

PENGUKUR UTAMA

N2: Pelan Kekeluargaan Islam

N3: Pelan Pendidikan Islam Bersepadu

N4: Pelan Sokongan Sosial Islam

N5: Pelan Masjid Pusat Pengupayaan Ummah Selangor

| | |
|---|---|
| N2: Bilangan kes masalah sosial (kurang 10% setahun) | 2020 : 321 kes khalwat<br>2021 : 356 kes khalwat<br>2022 : 532 kes khalwat |
| N2: Bilangan aduan rumah tangga (kurang 10% setahun) | 2020 : 25,725 kes<br>2021 : 26,838 kes<br>2022 : 38,799 kes |
| N3: Bilangan huffaz professional | S : 5 orang setahun<br>C : 5 orang (2022) |
| N4: Bilangan penggerak | S : % peningkatan<br>C : 16,425 orang |
| N5: Bilangan perkhidmatan masjid | S : 10 buah masjid<br>C : 5 buah masjid |
| N5: Bilangan aduan pengurusan masjid (kurang 10% setahun) | 2020 : 132 Aduan<br>2021 : 98 Aduan<br>2022 : 155 Aduan |
| N5: Dapatan postif kajian impak program / aktiviti masjid | Akan dilaksanakan pada tahun 2024 |
| Indeks Insan Rabbani | Kajian Pengurusan Rabbani pada Januari 2023 |

# TERAS EKONOMI

12.6%

## PENGUKUR UTAMA

N6: Dasar Pembangunan Baitulmal, Zakat & Wakaf Selangor

N7: Dasar Pengurusan Halal Selangor

| | | |
|---|---|---|
| N6: | Jumlah kutipan & agihan baitumal, zakat & wakaf | 2020 : 4%<br>2021 : 7%<br>2022 : belum muktamad |
| N6: | Hasil pelaburan baitulmal & wakaf | 2020 : Baitulmal - 2.5%<br>2021 : Baitulmal - 3.0%<br>2022 : Baitulmal - 3.5% (Jul) |
| N6: | Peningkatan nilai harta | 2021 : 0.1%<br>2022 : belum muktamad |
| N7: | Bilangan Usahawan muslim berjaya | 2020 : 10<br>2021 : 58<br>2022 : 119 |
| N7: | Bilangan Platform perdadangan produk muslim | S : 4 platform<br>C : 5 platform |
| N7: | Bilangan usahawan muslim mikro memperoleh sijil halal | S : 4 pengusaha<br>C : 8 pengusaha |

# TERAS TADBIR URUS

8%

## PENGUKUR UTAMA

N8: Pelan Anti Rasuah

N9: Indeks Pengurusan & Penyampaian Perkhidmatan

N10: Muktamar Inovasi Agensi Islam

N11: Pengkalan Data

N12: Pusat Kecemerlangan Baitulmal Selangor

N13: Pusat Informasi Pengurusan Islam

N14: Mengukuhkan Pematuhan Agensi Agama Islam & Syarikat Subsidiari kepada Dasar MAIS

| | | |
|---|---|---|
| N8: | Bilangan aduan berkaitan intergriti kakitangan agensi agama Islam | S : % pengurangan aduan<br>C : Tiada rekod aduan |
| N9: | Indeks Kecemerlangan Pengurusan & Perkhidmatan Agensi Agama Islam | Indeks telah selesai dibangunkan & pelaksanaan akan dibuat pada tahun 2023 |
| N6: N10 | Pengiktirafan yang diterima ( Pertandingan Dalaman Agensi) | Akan dilaksanakan pada tahun 2023 - 2024 |
| N11: N12 N13 | Penambahbaikan penyampaian perkhidmatan | Dalam proses pelaksanaan |
| N14: | Peratus pematuhan | Akan dilaksanakan pada tahun 2023 |

# TERAS UNDANG-UNDANG

14%

## PENGUKUR UTAMA

N15: Penggubalan Undang-undang Baru

N16: Pindaan Undang-undang

| | | |
|---|---|---|
| N15: | Jumlah undang-undang yang digubal | S : 5 draf undang-undang<br>C : 3 dalam proses |
| N16: | Jumlah & jenis kes jenayah syariah yang boleh didakwa | 2020 : 2773 kes/42 jenis kes<br>2021 : 2120 kes/42 jenis kes<br>2022 : 1552 kes/42 jenis kes |
| N16: | Jumlah undang - undang yang dipinda | S : 10 pindaan<br>C : 2 selesai, 3 dalam proses<br>2022 : 119 |
| N16: | Penambahan Tier Mahkamah Syariah | Dalam proses pelaksanaan |

Majlis Agama Islam Selangor

# LAPORAN AKTIVITI MAIS

2022



# Laporan Aktiviti MAIS 2022

## JANUARI

### **Mangsa Banjir Terus Disantuni** – Sumbang 100 set toto dan selimut

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terus menyantuni mangsa banjir dengan menyerahkan sumbangan toto dan selimut sebanyak 100 set sekitar Kampung Perepat dan Sementa Klang.



### Pendaftaran Syahadah Itu Mudah

Alhamdulillah minggu pertama di tahun baru, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menerima kehadiran Puan Inna Anak Dollah daripada masyarakat Orang Asli Suku Mahmeri bagi melafazkan kalimah syahadah dan membuat pendaftaran pengIslaman.



### MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi Dan Anak Syarikat Lawat Mangsa Banjir Sungai Lui

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), menyampaikan bantuan keperluan elektrik dan dana kewangan berjumlah keseluruhan RM32,150.00 kepada mangsa-mangsa banjir yang terjejas di Kampung Sungai Lui dalam Program Tautan Kasih MAIS dengan kerjasama Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan Anak Syarikat.



### **MAIS Tawar Khidmat Guaman Atas Talian Secara Percuma** – Lancar K-GUAM, platform konsultasi perundangan Sivil dan Syariah

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menawarkan khidmat guaman atas talian secara percuma kepada orang ramai dengan melancarkan K-GUAM bagi memudahkan masyarakat mendapatkan khidmat nasihat perundangan syariah dengan lebih mudah dan pantas melalui platform atas talian.



FEBRUARI

## MAIS Terus Bantu Mangsa Banjir Yang Terjejas – Agih Sumbangan RM57,600.00 Kepada Mangsa Banjir Di Kuala Selangor

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terus membantu mangsa banjir yang terjejas terutama di Kampung Asahan, Kampung Tanjung Siam dan Kampung Parit Mahang, Kuala Selangor.



## Waris Bersyukur Arwah Suami Ada Meninggalkan Wasiat

Alhamdulillah, telah berlangsungnya sesi pembacaan wasiat oleh pegawai kami Ustaz Mohd Fadhil bin Said, Eksekutif Teknikal, Unit Operasi, Bahagian Harta Baitulmal MAIS bersama waris-waris iaitu isteri dan seorang anak lelaki di kediaman mereka di Seksyen 9 Shah Alam.



## Tiada Tuhan Yang Disembah Melainkan Allah Dan Nabi Muhammad SAW Itu Adalah Pesuruh Allah

Syukur Ya Allah, pada 7 Februari 2022, seorang lagi saudara baru telah melafazkan kalimah syahadah. Beliau merupakan saudara baru berketurunan Bidayuh dan beragama kristian dari Sarawak. Alhamdulillah, saudara baru ini telah memilih Islam secara sukarela dan nama penuh Islam beliau adalah Alexander Anak Merang.





## Agihan Fidyah MAIS Diteruskan RM56,000.00 Diagih Kepada 560 Penerima Yang Layak Di Daerah Hulu Langat, Kuala Selangor Dan Sabak Bernam

Alhamdulillah, MAIS telah mengagihkan sumbangan fidyah kepada 560 keluarga yang layak di daerah Hulu Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam dengan nilai sumbangan berjumlah RM56,000.00.

APRIL

## Agihan Fidyah MAIS RM23,000.00 Diagih Kepada 230 Penerima Yang Layak Di Daerah Klang Dan Petaling Jaya

Alhamdulillah, MAIS telah mengagihkan sumbangan fidyah kepada 230 keluarga yang layak di daerah Klang dan Petaling Jaya dengan nilai sumbangan berjumlah RM23,000.00. Daripada 230 keluarga itu, adalah penerima bagi daerah Klang seramai 114 keluarga 116 keluarga bagi daerah Petaling Jaya.




## MAIS Sumbang RM11.2 Juta Bantu Asnaf Riqab

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan RM11.2 juta kepada 24 buah Rumah Pemulihan Riqab (RPR) menerusi Bantuan Geran Pemulihan Riqab bagi membantu kebajikan asnaf riqab. Sumbangan RM11.2 juta itu melibatkan kos program, pengurusan dan penjagaan Rumah Pemulihan Riqab di bawah seliaan MAIS bagi tahun 2022.



## MAIS Santuni Rumah Pemulihan Riqab Sekitar Daerah Sabak Bernam Dalam Bulan Ramadhan

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pemulihan Riqab telah mengadakan lawatan ke Rumah Pemulihan Riqab sekitar Daerah Sabak Bernam. Lawatan ini diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dato' Hashim bin Meon, Anggota MAIS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Riqab.



## MAIS Sumbang Kain Pelikat Untuk 400 Pegawai Masjid Kariah di seluruh Selangor - Sumbangan RM14,000 melalui Baitulmal MAIS

Sempena menyambut syawal tidak lama lagi, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyumbang 400 kain pelikat untuk 400 pegawai masjid kariah di seluruh Selangor.



MEI

## MAIS Peruntuk Dana RM10,000, Bantu Masyarakat Islam Di Kemboja Sempena Ramadhan 1443 Hijrah

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memperuntukkan sumbangan berjumlah RM10,000 bagi membantu meringankan beban masyarakat Islam di Kemboja dalam menyambut Ramadhan 1443H.



## Majlis Ramah Mesra Eidulfitri Baitul Islah Disambut Meriah

Biarpun Syawwal semakin menghampiri ke penghujungnya, namun suasana meriah Eidulfitri masih terasa apabila amalan kunjung mengunjung dan rumah terbuka terus diadakan. Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS turut tidak ketinggalan menganjurkan majlis rumah terbuka dan ramah mesra bagi meraikan sambutan Eidulfitri kepada keluarga pelatih-pelatih.



## MAIS Terima Lawatan Dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima lawatan dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Delegasi diketuai oleh Ustaz Muhamad Firdaus bin Sulaiman, Penolong Pengarah Unit Pembangunan Sosial, JAINJ. Lawatan adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumat berkaitan operasi keseluruhan dan pengurusan rumah pemulihan di bawah MAIS di samping mengeratkan hubungan baik antara JAINJ dan MAIS.



## MAIS Adakan Perbincangan Meja Bulat: Keperluan Mengadakan Peruntukan Dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Yang Menjelaskan Kedudukan Fahaman/Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah Sebagai Agama Islam Yang Diamalkan Dan Dianuti Dalam Negeri Selangor

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengadakan Perbincangan Meja Bulat (PMB): Keperluan mengadakan peruntukan dalam undang-undang tubuh negeri yang menjelaskan kedudukan fahaman/ajaran ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai agama Islam yang diamalkan dan dianuti dalam negeri Selangor.



JUN

## **MAIS Lancar Sistem Siswa, Inovasi Baru Urus Wasiat Dan Hibah Atas Talian Secara Mudah Dan Pantas** – Sempena Kempen Bulan Kesedaran Wasiat dan Pusaka Negeri Selangor

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah membuat pelaksanaan inovasi baru dengan melancarkan Sistem Wasiat dan Hibah (SISWA) bagi memudahkan masyarakat Islam menguruskan wasiat dan hibah secara mudah dan pantas melalui atas talian di https://siswa.mais.gov.my.



## **MAIS Erat Hubungan Dengan Media, Tanda Hargai Jasa dan Kerjasama**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sentiasa menghargai sumbangan dan komitmen pihak media yang banyak membantu mempertingkatkan imej dan perkhidmatan MAIS di mata masyarakat.




## **Program Penghayatan Islam Komuniti Disayangi** – Tingkatkan Jalinan Ukuwah

Program Penghayatan Islam Komuniti Disayangi telah dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bertujuan meningkatkan jalinan ukhuwah antara pertubuhan-pertubuhan dalam komuniti serta menjadi medan perantaraan di antara pertubuhan-pertubuhan ini untuk beramah mesra, istiqamah dan mengikut ajaran ahli sunnah wal jamaah.



## **Kaunter Baitulmal MAIS Dan Hari Bertemu Pelanggan HSAS**

Bersempena Kempen Bulan Kesedaran Wasiat & Pusaka, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah membuka kaunter Baitulmal MAIS di Hospital Shah Alam, Selangor bagi berkongsi maklumat berkaitan hibah, wasiat, faraid & lain-lain perkhidmatan MAIS.



# JULAI

## Program Turun Padang MAIS Ke Kg. Orang Asli Ulu Kuang, Gombak Dan Pelancaran Penghayatan Bulan Muallaf Tahun 2022

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengadakan Program Turun Padang Ke Kampung Orang Asli Ulu Kuang, Gombak bagi berkongsi pelbagai isu berkaitan hal ehwal Islam termasuk pendaftaran pengislaman, pendaftaran pernikahan dan dokumen pengenalan diri kepada masyarakat orang asli di sini yang dihadiri hampir 200 orang penduduk di sini pada 3 Julai.





## Program Ibadah Korban, Eratkan Ukhuwah MAIS Bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi Dan Anak Syarikat

Sempena Hari Raya Eidul Adha 1443H, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak ketinggalan dalam melaksanakan amalan bagi program tersebut. Program Ibadah Korban MAIS yang berlangsung membabitkan Jabatan-Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi dan Anak Syarikat MAIS. Sebanyak 15 ekor lembu dikorbankan dan dagingnya diagihkan kepada golongan asnaf yang berhampiran dan warga kerja di Bangunan Sultan Idris Shah(BSIS).

## MAIS Prihatin Mangsa Banjir Di Negeri Kedah – Sumbang RM120,000 bagi keperluan maslahah ummah

Prihatin dengan nasib mangsa banjir yang terjejas di negeri Kedah dalam insiden 4 Julai yang lalu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tampil menyumbangkan RM120,000.00 bagi memenuhi maslahah ummah terutama dalam membantu kepada mereka yang memerlukan. Sumbangan RM120,000.00 itu meliputi peruntukan daripada Baitulmal MAIS dan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), anak syarikat MAIS.




## Persidangan Pendaftar-Pendaftar Muallaf Dan Pusat Pengurusan Pengislaman (PPP) MAIS

Persidangan Pendaftar-Pendaftar Muallaf Dan Pusat Pengurusan Pengislaman (PPP) MAIS tahun 2022 telah bersidang pada 22 hingga 24 Julai 2022. Persidangan tiga hari ini dihadiri seramai 50 orang peserta di kalangan pendaftar-pendaftar muallaf di Negeri Selangor, Pegawai-Pegawai Tadbir Agama Daerah dan wakil-wakil PPP.



OGOS

## MAIS Kongsi Perkembangan Terkini Pembinaan Rumah Untuk Mangsa Banjir

Program taklimat bagi pembangunan rumah untuk mangsa-mangsa banjir yang diusahakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) diadakan bagi berkongsi perkembangan terkini berkaitan pembinaan rumah ini kepada penyumbang iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).



## Pengerusi MAIS Saran Terus Semarakkan Semangat Patriotik – MAIS Edar 3,012 Jalur Gemilang

YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyarankan agar seluruh masyarakat terus menyemarakkan semangat patriotik terutamanya dalam bulan kemerdekaan ini.



## MAIS Hasilkan 20 Kajian Penyelidikan Berkaitan Isu Hal Ehwal Islam Selangor

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menghasilkan 20 kajian penyelidikan berkaitan isu hal ehwal Islam di negeri Selangor bermula tahun 2019 sehingga tahun 2022.



## Hasrat Ibu Menghibahkan Hartanya Kepada Waris-Waris

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Harta Baitulmal telah mengadakan perjumpaan dengan penghibah bersama anak-anaknya. MAIS diwakili oleh Ustaz Hanzalah Zolkefli, Eksekutif Dakwah, Bahagian Dakwah & Pemasaran Baitulmal MAIS. Dalam perjumpaan tersebut penghibah (ibu) telah menyatakan hasratnya untuk memberikan harta kepada 6 orang anaknya secara sama rata.



## Agihan Fidyah MAIS Diteruskan

MAIS telah mengagihkan sumbangan fidyah kepada 116 orang penerima yang layak di daerah Sabak Bernam dan 444 orang menerima yang layak di daerah Kuala Selangor dan 117 orang menerima yang layak di daerah Petaling dengan nilai sumbangan berjumlah RM67,700.



## SEPTEMBER

### **Tangani Masalah Sosial, MAIS Santuni 2,529 Asnaf Riqab** – Anjur Kempen Bulan Pembebasan Ar-Riqab Bermula 1 September Hingga 30 September 2022

Dalam usaha menangani masalah sosial, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyantuni 2,529 golongan asnaf riqab di Negeri Selangor melalui bimbingan dan bantuan kebajikan bagi golongan terbabit.

MAIS memperuntukkan sebanyak RM 21.2 juta dari peruntukan zakat asnaf riqab untuk tahun ini bagi membantu dan membimbing golongan terbabit yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan dan pencegahan selain pelbagai bantuan lain supaya mereka kembali ke pangkal jalan.




## OKTOBER

### DYMM Sultan Selangor Berkenan Menerima Sumbangan MAIS Berjumlah RM30 Ribu

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj berkenan menerima sumbangan berjumlah RM30 ribu dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk disalurkan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1 Oktober 2022.



### Pelatih-Pelatih Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Diberi Penghargaan

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan terus memperkenalkan program yang dapat memberi manfaat kepada golongan asnaf riqab antaranya adalah pelatih-pelatih di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan.




### MAIS Peruntukkan RM2.01 Juta Sokong Usaha Tangani Isu Kesihatan Mental

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memperuntukkan sebanyak RM2.01 juta melalui peruntukan asnaf riqab bagi membantu pesakit-pesakit mental melalui operasi Rumah Pemulihan Riqab yang berdaftar di bawah MAIS.



## **Agihan Fidyah MAIS RM61,320.00 Diagih Kepada 511 Penerima Yang Layak** – Daerah Petaling, Klang, Gombak, Kuala Selangor Terima Bantuan MAIS

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengagihkan kutipan fidyah berjumlah RM61,320.00 kepada golongan penerima yang memerlukan. Terdapat 13 tempat agihan iaitu semuanya di Daerah Petaling, Klang, Gombak dan Kuala Selangor dengan jumlah 511 orang penerima barangan kotak makanan kering dengan nilai RM61,320.00 yang layak menerima bantuan fidyah MAIS berupa set makanan kering seperti beras, minyak masak, gula, tepung dan susu.



# NOVEMBER

## Kaunter Baitulmal MAIS Sempena Program Rewang Sekampung PTD Kuala Langat

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Sektor Baitulmal telah dijemput hadir bagi membuka kaunter Baitulmal anjuran Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat. Kaunter Baitulmal MAIS dibuka kepada masyarakat yang hadir bagi berkongsi maklumat berkaitan wasiat, hibah, faraid dan lain-lain perkhidmatan MAIS.




## Pendaftaran Syahadah Itu Mudah

Alhamdulillah, pagi tadi menyaksikan pengislaman seorang kanak-kanak berbangsa India berumur 11 tahun yang berminat mendalami agama Islam. Syukur ke hadrat illahi, urusan penglslaman dibuat di Pusat Informasi Islam MAIS dapat disegerakan dengan mudah.



## Agihan Fidyah MAIS RM42,960.00 Diagih Kepada 358 Penerima Yang Layak

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengagihkan kutipan fidyah berjumlah RM42,960.00 kepada golongan penerima yang memerlukan. Terdapat 19 tempat agihan iaitu di Daerah Petaling dan Klang dengan jumlah 358 orang penerima barangan kotak makanan kering dengan nilai RM42,960.00 yang layak menerima bantuan fidyah MAIS.



DISEMBER

## Baitul Islah Anjur Hari AIDS Sedunia Dengan Kerjasama PENGASIH Selangor

Pusat Pemulihan Baitul Islah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan kerjasama PENGASIH Selangor telah menganjurkan Majlis Hari AIDS Sedunia 2022.



## MAIS Buka Kaunter Perkhidmatan Sempena Kempen Kesedaran Aids & Program Sihat Untuk Remaja (Prostar) Peringkat UiTM Cawangan Selangor 2022

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Rumah Pemulihan Majlis (RPM) telah mengadakan sesi penerangan perkhidmatan MAIS sempena Kempen Kesedaran AIDS dan Program Sihat Untuk Remaja (PROSTAR) serta Pelancaran Program Siswa (PROSIS) Peringkat UiTM cawangan Selangor tahun 2022.



## 673 Keluarga Sekitar Daerah Petaling, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor & Kuala Langat Dibantu

Agihan fidyah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi penerima yang layak diteruskan berjumlah RM80,760.00 kepada 673 keluarga penerima.



Majlis Agama Islam Selangor

# LAPORAN PENCAPAIAN AGENSI & ANAK SYARIKAT MAIS

2022

# Laporan Pencapaian Agensi Dan Anak Syarikat MAIS 2022

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

## Pencapaian LZS Tahun 2022

1. Sejak penubuhan pada tahun 1994, LZS telah memberi perkhidmatan untuk menyantuni asnaf dan memudahkan pengeluar zakat di Selangor. Kini LZS telah menyantuni lebih daripada 350,000 orang penerima dan jumlah ini akan meningkat tahun demi tahun dengan disokong lebih 600 orang warga kerja dan lebih 2,000 ejen (Penolong Amil Kariah serta 18 cawangan di seluruh negeri Selangor.

2. Buat pertama kali dalam sejarah, LZS berjaya mencecah kutipan dan agihan melebihi RM1.0 bilion.

3. Kutipan zakat sebanyak RM1.07 bilion. Berikut merupakan pecahan kutipan mengikut jenis zakat bagi tahun 2022:

| Jenis Zakat | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pendapatan | 612.5 juta |
| Perniagaan | 166.8 juta |
| Simpanan | 112.3 juta |
| Harta | 72.1 juta |
| KWSP | 40.0 juta |
| Fitrah | 33.0 juta |
| Saham | 23.3 juta |
| Emas | 6.5 juta |
| Tanaman | 1.3 juta |
| Perak | 0.1 juta |
| Ternakan | 0.0 juta |
| **Jumlah** | **1,067.9 juta** |

4. Agihan zakat mencatatkan pencapaian memberangsangkan apabila berjaya mengagihkan lebih RM1.0 bilion melalui lima teras pembangunan. Fakir, miskin dan mualaf merupakan kumpulan terbesar yang menerima manfaat agihan zakat iaitu asnaf miskin sebanyak RM360.8 juta, asnaf fakir (RM207.2 juta) dan asnaf mualaf sebanyak RM52.2 juta. Pecahan agihan zakat mengikut asnaf adalah seperti berikut:

| Asnaf | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Fakir | 207.2 juta |
| Miskin | 360.8 juta |
| Muallaf | 52.2 juta |
| Amil | 131.4 juta |
| Fisabilillah | 183.9 juta |
| Gharimin | 90.0 juta |
| Riqab | 23.0 juta |
| Ibnu Sabil | 0.9 juta |
| **Jumlah** | **1,049.3 juta** |

5. **TERAS PEMBANGUNAN SOSIAL** – Keutamaan bagi memastikan kehidupan berkualiti dalam kalangan asnaf meliputi aspek perlindungan atau perumahan, keperluan hidup, kebajikan ummah secara umum. Antara bantuan terbesar melibatkan bantuan kewangan dan makanan bulanan sebanyak RM235.4 juta kepada lebih 64,000 penerima asnaf fakir, miskin dan mualaf, RM122.6 juta bagi bantuan bina, baik pulih dan sewa rumah yang memberi manfaat kepada lebih 19,000 penerima.

6. **TERAS PEMBANGUNAN PENDIDIKAN** – Melalui program ini, LZS membentuk anak-anak asnaf sebagai generasi kedua, generasi cemerlang yang mampu membawa keluarga keluar daripada kemiskinan. Antara bantuan terbesar yang disalurkan termasuklah bantuan Keperluan Pendidikan & Yuran (RM38.3 juta) melibatkan 67,798 penerima, Elaun Guru Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) dan Guru Agama/Penceramah melibatkan RM29.1 juta.

7. Selain itu, sebanyak RM20 juta agihan zakat diperuntukkan bagi bantuan pendidikan umat Islam di Selangor melalui Sumbangan Pendidikan Zakat Anak Selangor (SPZAS) untuk sekolah rendah, menengah dan

institusi pengajian tinggi (IPT). SPZAS diperkenalkan bertujuan membantu meringankan beban golongan bukan asnaf (fakir, miskin dan mualaf), khususnya dalam kelas B40 serta M40 yang memerlukan bantuan bagi menampung keperluan pendidikan menggunakan peruntukan di bawah asnaf fisabilillah. Bantuan ini telah memberi manfaat kepada 28,156 penerima.

8. **TERAS PEMBANGUNAN INSTITUSI AGAMA** - Sebanyak RM33.5 juta telah disalurkan kepada institusi agama di Selangor bagi menyokong pembangunan infrastuktur dan memenuhi keperluan masyarakat.

9. **TERAS PEMBANGUNAN INSAN** - Sebanyak RM19.9 juta telah dimanfaatkan bagi pembangunan insan golongan asnaf di Selangor. Seramai 5,111 asnaf yang mendapat manfaat daripada 179 kursus dan latihan yang diadakan bagi memartabatkan golongan asnaf agar memboleh mereka mengatasi cabaran serta meningkatkan kualiti hidup mereka.

10. **TERAS PEMBANGUNAN EKONOMI** - sebanyak RM12.2 juta telah dimanfaatkan kepada 1,288 orang usahawan asnaf untuk menyokong dalam membangunkan dan meningkatkan perniagaan dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan kepada usahawan asnaf.

11. Tahun 2022 juga, LZS meneruskan inisiatif Zakat Selangor Peduli (ZSP) bagi menyantuni asnaf dan golongan B40 serta M40 termasuklah institusi di Selangor yang terkesan dengan cabaran pasca pandemik COVID-19 dan bencana banjir tahun 2021. Sebanyak RM77.7 juta agihan zakat diperuntukkan menerusi 10 inisiatif. Penyaluran agihan zakat secara bersasar memberi keutamaan bagi mengurangkan beban kos sara hidup asnaf fakir, miskin dan mualaf termasuk golongan rentan, selain menyokong pemulihan institusi di Selangor.

12. LZS memperkenalkan Bulan Taksir Zakat (BTZ) bagi menggalakkan masyarakat mentaksir sendiri jumlah zakat perlu ditunaikan. Dengan tagline 'Sempurnakan Zakatmu', kempen BTZ secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat supaya tahu jumlah sebenar zakat yang ditunaikan. Selain itu, ia juga sebagai inisiatif untuk membudayakan taksiran zakat pada setiap bulan Jun sebagai amalan tahunan dalam kalangan masyarakat agar tanggungjawab zakat tidak dilupakan, seiring dengan jumlah harta yang dimiliki supaya ibadah itu dilaksanakan dengan lebih sempurna.

13. LZS melancarkan Alumni Asnaf Lembaga Zakat Selangor pada November 2022. Merupakan platform yang menghimpunkan bekas penerima bantuan LZS dan sebagai jaringan networking berkongsi pengalaman sesama mereka.

14. LZS telah berjaya lulus audit peringkatan kedua oleh SIRIM QAS bagi persijilan ISO37001:2006 Sijil Pengurusan Anti Rasuah.

15. Tahun 2022, LZS telah tersenarai sebagai finalist di Global Digital Excellent Award 2022 untuk projek Digital Cashless.

16. LZS dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melancarkan Modul Pendidikan Zakat Selangor bagi menyebarluaskan pendidikan Zakat dalam kalangan pelajar sekolah.

17. Tahun 2022, LZS telah dianugerahkan Silver Award Winner (Employer of Choice (public Sector) oleh Malaysia Insititute of Human Resource Management.

18. Inisiatif LZS mewujudkan projek perintis Pusat Inovasi dan Pembelajaran Al-Biruni Zakat Selangor sebagai hub inovasi dan pembelajaran dalam usaha menyantuni kanak-kanak miskin bandar. Sehingga kini LZS telah menubuhkan tiga buah Pusat Al-Biruni di Petaling, Tanjong Karang dan Puchong.





## Pencapaian PWS Tahun 2022

1. Sepanjang tahun 2022, PWS telah berjaya menunjukkan prestasi yang baik dan positif dalam mentadbir urus wakaf harta alih dan harta tak alih.

2. Kumpulan Wang Wakaf (KWW) terdiri daripada Wakaf Tunai, Wakaf Khas dan Manfaat Wakaf. Tahun 2022 telah mencatatkan peningkatan dalam pendapatan dan perbelanjaan KWW berbanding tahun 2021 seperti berikut:

| PERKARA | 2022 (RM 'juta) | 2021 (RM 'juta) | PERATUSAN |
|---|---|---|---|
| Pendapatan | 65.051 | 58.346 | 11.49% |
| Perbelanjaan | 39.953 | 29.123 | 37.19% |

3. Sepanjang tahun 2022, terdapat **penambahan 85.86 ekar** tanah wakaf yang telah berjaya didaftarkan di atas nama MAIS (Wakaf). Pecahan penambahan mengikut daerah adalah seperti di bawah. Sehingga 31 Disember 2022, hartanah wakaf yang telah didaftarkan dan diuruskan oleh PWS adalah sebanyak 1,741 ekar.

| DAERAH | KELUASAN (EKAR) |
|---|---|
| Klang | 3.86 |
| Kuala Selangor | 6.83 |
| Sabak Bernam | 50.72 |
| Petaling | 2.61 |
| Gombak | 1.50 |
| Kuala Langat | 6.70 |
| Hulu Selangor | 3.16 |
| Hulu Langat | 2.06 |
| Sepang | 8.42 |
| **JUMLAH** | **85.86** |

4. Prestasi kutipan melalui Tabung Wakaf Tunai bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM2.585 juta. Bilangan tabung keseluruhan sehingga 31 Disember 2022 adalah 71 buah yang telah ditempatkan di masjid, surau, institusi kerajaan dan stesen minyak terpilih di seluruh Selangor.

5. Pada tahun 2022, PWS telah melaksanakan agihan sumbangan wakaf di bawah inisiatif Fisabilillah berjumlah RM0.579 juta. Sumbangan wakaf tersebut diserahkan kepada 22 buah institusi iaitu 2 buah masjid, 12 buah surau dan 8 buah sekolah bagi tujuan membaikpulih dan menambah baik bangunan institusi-institusi tersebut.

6. Sebanyak lima **(5) projek Wakaf Khas telah siap** pada tahun 2022 dengan kos keseluruhan projek berjumlah **RM29.786 juta** iaitu:

   a) Pembinaan Masjid Putra Height - RM20.140 juta;
   b) Menaik taraf Masjid Pekan Kuala Selangor (Masjid Raja Lumu) - RM8.594 juta;
   c) Pembinaan Surau SMK Batu Laut, Kuala Langat - RM0.412 juta;
   d) Menaik taraf Surau Al-Makmuriah, Sungai Buloh - RM0.5 juta; dan
   e) Menaik taraf Surau An Nur, Cahaya Alam - RM0.140 juta.

7. **Buku Laporan Sedekad PWS** diterbitkan sempena genapnya 10 tahun Penubuhan PWS (2011-2021). Penerbitan Buku Laporan ini dapat memberi impak positif kepada semua pihak yang ingin mendapatkan pengetahuan mengenai aktiviti, prestasi, gerak kerja PWS serta menjadi sumber rujukan pada masa akan datang. Buku Laporan Sedekad PWS telah dipersembahkan dan menerima perkenan DYMM Sultan Selangor di dalam Majlis Mengadap Tuanku pada 28 April 2022.

8. Pada awal bulan April 2022, PWS telah memperkenalkan satu medium berwakaf tunai yang dinamik melalui DuitNow QR. Penawaran e-wakaf menerusi QR ini merupakan inisiatif baharu untuk memudahkan orang ramai membuat amal jariah dengan pantas dan selamat.

   DuitNow QR ini boleh diakses melalui aplikasi mudah alih bank (18 bank terpilih) atau e-wallet (Boost, GrabPay, TouchnGo dan ShopeePay). Pewakaf hanya perlu mengimbas kod QR yang terdapat di laman web rasmi, laman sosial Facebook dan Instagram PWS serta di tabung-tabung Wakaf Tunai.

9. Dalam tahun 2022, PWS juga telah **dianugerahkan Sijil Bersih** terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Korporat dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Wakaf bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 daripada Jabatan Audit Negara.

10. Semoga dengan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, PWS dapat meneruskan usaha dalam meningkatkan kesedaran orang ramai untuk menjadikan amalan berwakaf sebagai budaya dalam kehidupan harian.

**Akaun Wakaf Khas (terkini)**

**259 akaun**
**Kos keseluruhan projek dianggarkan bernilai RM1.191 bilion**

**5 projek Wakaf Khas siap tahun 2022**

Masjid Putra Height
**RM20.140 juta**



Masjid Raja Lumu
**RM8.594 juta**



Surau SMK Batu Laut, Kuala Langat
**RM0.412 juta**



Surau Al-Makmuriah, Sungai Buloh
**RM0.5 juta**



**RM29.786 juta**

Surau An Nur, Cahaya Alam
**RM0.140 juta**



## Buku Laporan Sedekad PWS

Buku Laporan Sedekad PWS telah dipersembahkan dan menerima perkenan DYMM Sultan Selangor di dalam Majlis Mengadap Tuanku pada 28 April 2022; dan

DYMM Sultan Selangor telah diberikan sembah taklimat oleh Pengerusi PWS berhubung Buku Laporan Sedekad PWS dan DYMM Sultan Selangor telah bertitah dan menzahirkan 'concern' terhadap PWS untuk menjadi institusi yang teguh dan berdiri sendiri kerana sinergi wakaf memiliki kekuatan dalam membangun, membantu dalam pengukuhan orang melayu dan agama Islam.




## Platform Baharu - Berwakaf Melalui Duitnow QR (April 2022)



UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY





## KUIS Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**7/2/2022** - Bagi memperkasakan Pelan Perlaksanaan Dasar Inklusif di peringkat pengajian tinggi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui kolaborasi penyelidikan di bawah Geran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum.

## Graduan program pengajian pendidikan daripada Fakulti Pendidikan, KUIS telah berjaya dalam temuduga sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP DG41)

**1/3/2022** - Seramai 105 orang graduan Fakulti Pendidikan KUIS daripada program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Perguruan TESL dengan Multimedia (Kepujian) melaporkan diri sebagai guru terlatih di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bermula pada 1 Mac 2022.

## Program Kemahiran Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Selangor

**4/3/2022** - Melalui suntikan dana lebih RM95,000 bagi menjayakan program Kemahiran Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) Selangor, berjaya memanfaatkan 389 pelajar sekolah menengah daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) di seluruh negeri Selangor.




## IRCIEF KUIS Lahirkan Profesional Syariah Perbankan & Kewangan

**4/4/2022** - Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menganjurkan Majlis Penganugerahan Ke-2 CFBF; Sijil Shariah Perbankan dan Kewangan Islam. Seramai 35 peserta telah menerima Sijil Shariah Perbankan dan Kewangan Islam yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Setia Salehuddin Saidin, Ahli Lembaga Pengarah KUIS. Terdapat 11 peserta menyertai majlis ini secara atas talian.



## Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) melalui Fakulti Pengurusan dan Muamalah hari ini memeterai sebuah Memorandum Persefahaman bersama Islah Venture Sdn Bhd (IVSB).



**7/4/2022** - Kolaborasi ini bertujuan mewujudkan jalinan kerjasama pintar dalam perkara yang disepakati diantara KUIS dan Islah Venture Sdn Bhd, memperkembangkan lagi ilmu yang berteraskan bidang akademik dan TVET melalui aktiviti penyelidikan, penulisan, penganjuran seminar dan lain-lain serta mewujudkan hubungan baik di antara KUIS dan Islah Venture Sdn Bhd bagi tujuan mengisi keperluan sumber tenaga mahupun kepakaran dalam bidang tertentu.Melalui kerjasama ini juga dilihat mampu membuka peluang kepada para pelajar dalam bidang halal sebagai satu kemahiran dan nilai tambah yang diperoleh dari KUIS.



## Majlis Jalinan Ukhuwah Ramadan & Pelancaran Bandar Ilmu Putra Mahkota antara Kerajaan Negeri Selangor dengan MPP KUIS & Komuniti

**16/4/2022** - YAB Dato Menteri Besar Selangor, Dato Seri Amiruddin Bin Shari hari ini meraikan seramai 250 Perwakilan Mahasiswa Universiti dan Kolej di Selangor dalam Majlis Jalinan Ukhwah Ramadan di Pusat Konvensyen, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Majlis bersama perwakilan pelajar ini dianjurkan bagi mewujudkan jaringan kerjasama di antara kerajaan negeri Selangor dengan pimpinan mahasiswa IPT di seluruh negeri ini. Program ini juga berhasrat memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai inisiatif – inisiatif yang disediakan oleh kerajaan negeri khususnya kepada mahasiswa.




## Zakat KUIS Pemenang Kempen Insentif Dalaman Musim Puncak Ramadan 2022

**21/6/2022** - Seksyen Pengurusan Zakat, Pusat Zakat dan Wakaf (PZW) KUIS telah memenangi kempen insentif dalaman musim puncak Ramadan 2022 kategori IPT yang telah dianjurkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada bulan Ramadan yang lepas.

## Memorandum Perjanjian (MoA) KUIS-MIKAZA Bangunkan Sistem Portal IKTISASS

**22/6/2022** - KUIS melalui Fakulti Sains & Teknologi Maklumat hari ini memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan MIKAZA DRG Sdn. Bhd. dalam usaha membangunkan sistem portal Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) bagi menyediakan anak muda kepakaran dan persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan. KUIS telah diberikan kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan dana permulaan sebanyak RM200,000. Portal ini dibangunkan bagi kemudahan para peserta yang mengikuti kursus disediakan untuk mendapatkan maklumat terkini dari semasa ke semasa





## Kunjungan Hormat Ehsan Charitable Society Kuwait ke Malaysia Buka Peluang Taja Pelajar

**12/8/2022** - Kunjungan hormat delegasi dari Ehsan Charitable Society Kuwait bermula dari 10 Ogos hingga 17 Ogos 2022. Bertujuan untuk mencari peluang-peluang penajaan pelajar dari Kuwait untuk menyambung pengajian ke universiti-universiti di Malaysia.



## Majlis Perasmian EKSTIVAL 25 Bersempena Penganjuran Majlis Konvokesyen Kuis Kali Ke-25

**13/8/2022** - YAB Dato Menteri Besar Selangor, Dato Seri Amiruddin Bin Shari hari ini merasmikan EKSTIVAL 25 sempena Majlis Konvokesyen KUIS Kali Ke-25 yang berlangsung pada 14 hingga 18 Ogos 2022. EKSTIVAL Ke-25 ini merupakan acara tahunan yang berlangsung seiring dengan Majlis Konvokesyen yang dianjurkan oleh KUIS bagi meraikan para graduan yang telah tamat pengajian dan bakal menerima ijazah dan diploma masing-masing.

## Majlis Konvokesyen KUIS Kali Ke-25

**14/8/2022** - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) meraikan seramai 1,889 graduan yang telah tamat pengajian dari pelbagai peringkat terdiri daripada Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke- 25 yang berlangsung mulai 14 hingga 18 Ogos 2022 di Pusat Konvensyen KUIS. Ini menjadikan jumlah keseluruhan graduan dari tahun 1998 hingga 2022 ialah seramai 27,365 orang.



## KUIS dinaik taraf menjadi Universiti Islam Selangor

**14/10/2022** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan terima mengadap Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar bagi mempersembahkan watikah rasmi naik taraf Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor sebagai Universiti Islam Selangor (UIS) semalam di Istana Bukit Kayangan Shah Alam.



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

# Pencapaian YIDE Tahun 2022

## Jumlah Anak Yatim 2022

Seramai 8,100 orang anak yatim didaftarkan sehingga penhujung tahun 2022.

Jumlah peningkatan pendaftaran anak yatim di negeri Selangor naik sebanyak 25.9% berbanding jumlah anak yatim tahun 2021.




## Jumlah Rumah Kebajikan Berdaftar Bawah YIDE 2022

25 buah rumah kebajikan anak yatim telah berdaftar di bawah YIDE sehingga penghujung tahun 2022.

Jumlah rumah kebajikan berdaftar bawah YIDE 2022

- Pertubuhan Kebajikan Ehsan Ash-Shakur (PEKEAS)
- Pertubuhan RAHOMA Darul Fakir Malaysia
- Pertubuhan Pendidikan Anak-Anak Yatim Selangor (Rumah Bakti Dato' Harun)
- Rumah Kasih Harmoni
- Rumah Bakti Al-Kausar Bandar Baru Bangi
- Rumah Kebajikan Anak Yatim Al-Munirah
- Pengurusan Raudhatul Al Faeez

- Persatuan Kebajikan Rumah Anak Yatim Damai, Kuang
- Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Darul Ehsan Malaysia
- Pertubuhan Kebajikan Ukhwah Anak Yatim Islam Dan Miskin Daerah Sabak Bernam
- Pertubuhan Amal Rumah Anak Yatim Dan Hidayah Al-Hijrah
- Pengurusan Baitul Kasih
- Persatuan Kebajikan Dan Perlindungan Rumah Jalinan Kasih
- Yayasan Anak-Anak Yatim Wardatul Jannah
- Pertubuhan Kebajikan Amal Rukaiyah
- Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah
- Rumah Aman (Shah Alam)
- Rumah Amal Raudhatul Jannah
- Pertubuhan Pengurusan Asrama Kebajikan Anak-Anak Yatim Miskin SEKENDI
- Rumah Bakti Nur Syaheerah
- Asrama Kasih Yayasan Basmi Kemiskinan, Serendah
- Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia
- Pusat Jagaan Darul Sakinah Angkasa
- Pertubuhan Kebajikan Nur Ain Bangi
- Pertubuhan Rumah Anak Yatim Miskin Daerah Kuala Langat (Rumah Penyayang Bestari)

## Aktiviti Dilaksanakan Oleh YIDE 2022

YIDE Kerjasama MAIS Agih Bantuan Mangsa Bah





Tahfiz Tenggelam Bah, YIDE Hulur Bantuan





YIDE Rai Anak Yatim





BAKTISUCI
HOLDINGS

## Halatuju Bakti Suci Holdings Sdn. Bhd.

### VISI

Untuk Menjadi Sebuah Syarikat yang Inovatif, Mapan dan Berprestasi Tinggi yang Memperkasakan Ummah.

### MISI

Mendukung pembangunan sosio ekonomi Ummah melalui penggunaan teknologi, keusahawanan sosial, kualiti dan prestasi

### SASARAN

- Meningkatkan mutu perkhidmatan dan kepuasan Pelanggan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh Pelanggan
- Memberi peluang pekerjaan kepada Asnaf – Asnaf didalam mencari sumber pendapatan
- Memberikan pulangan kepada MAIS dalam bentuk dividen

## Aktiviti Perniagaan

**Pembinaan**

**ICT System, Network & Security**

**Penyelenggaraan & Pembersihan**

## Laporan Prestasi Kumpulan

Rajah 1: **Pendapatan mengikut syarikat tahun 2022 (Sasaran vs Pencapaian)**




| | Pembinaan | Teknologi Maklumat | Pembersihan & Penyelenggaraan |
|---|---|---|---|
| SASARAN | 1,785,234 | 2,906,664 | 7,129,204 |
| PENCAPAIAN | 797,800 | 2,121,346 | 8,069,628 |

Rajah 2: **Pecahan Pendapatan mengikut sektor bagi tahun 2022**




PEMBINAAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT
PEMBERSIHAN & PENYELENGGARAAN

Rajah 3: **Pecahan Keseluruhan Belanja Operasi & Belanja Mengurus Sehingga Disember 2022**




## Proses Utama Dalaman

Rajah 4 : **Kepatuhan Pensijilan**

| SYARIKAT | CIDB | MOF | ISO |
|---|---|---|---|
| BAKTI SUCI PROPERTIES SDN.BHD. (BSPSB) | G7 | YES | YES |
| BAKTI SUCI INTEGRATED SERVICES SDN.BHD. (BSISSB) | G7 | YES | YES |
| BAKTI SUCI SOLUTIONS SDN.BHD.(BSSSB) | - | YES | - |

TERAS
Teraju Ekonomi Asnaf

## KPI Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd 2022

| KPI | SASARAN TAHUNAN | PENCAPAIAN | INDIKATOR | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah Agihan Zakat RM23.23 juta | 90% bajet yang dibelanjakan | 99.57% (RM23.13 juta) | | Mencapai sasaran |
| Bilangan Asnaf Yang Berjaya Dikeluarkan | 100 orang | 119 orang | | Mencapai sasaran |
| 40% usahawan asnaf yang dipantau meningkat purata pendapatan ≥ 15% | 40% | 71% | | Mencapai sasaran |
| Kitaran tempoh penghantaran Bantuan Makanan Bulanan (BMB) | 28 hari | 25 hari | | Mencapai sasaran |
| Bilangan peserta bengkel jahitan berpendapatan purata RM500/bulan | ≥ 70% | 82% | | Mencapai sasaran |
| Stok pakaian sekolah pada penghujung tahun 2022 | 64,800 helai | 72,661 helai | | Mencapai sasaran |
| Kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan TERAS | 85% | 96.93% | | Mencapai sasaran |

## Bajet, Kelulusan Dan Perbelanjaan

**Rajah 1:** Laporan Sasaran Vs. Kelulusan Vs. Belanja Sehingga Disember 2022 (RM juta)




**Rajah 2** : Pecahan Kelulusan (RM23.1 Juta) Mengikut Sektor Sehingga Disember 2022 (RM juta)




**Rajah 3** : Pecahan Kelulusan Pentadbiran & Operasi Sehingga Disember 2022 (RM juta)



# Pembangunan Usahawan

**Rajah 4** : Jumlah Pemantauan Usahawan Berpotensi dan Jumlah Potensi Keluar Asnaf Sehingga Disember 2022




813 usahawan asnaf yang berpontensi dipantau sehingga Disember 2021 di bawah bimbingan Unit Perniagaan SPU

**Rajah 5:** Potensi Keluar Asnaf Sehingga Disember 2022

| BIL | DAERAH | USAHAWAN ASNAF BERPONTENSI 2021 | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | JUMLAH |
| 1. | Klang | 0 | 33 | 18 | 51 |
| 2. | H. Langat | 2 | 42 | 74 | 118 |
| 3. | H. Selangor | 0 | 7 | 34 | 41 |
| 4. | S. Bernam | 0 | 2 | 31 | 33 |
| 5. | Gombak | 0 | 78 | 35 | 113 |
| 6. | K. Selangor | 0 | 58 | 125 | 183 |
| 7. | Petaling | 0 | 14 | 81 | 95 |
| 8. | K. Langat | 0 | 10 | 62 | 72 |
| 9. | Sepang | 0 | 8 | 31 | 39 |
| **JUM.** | | **2** | **252** | **491** | **745** |

**Rujukan:**

- (81% - 100%) Berpontensi Keluar Asnaf 2022
- (51% - 80%) Berpontensi Keluar Asnaf 2022
- (21% - 50%) Usahawan Asnaf Berpontensi

**Rajah 6:** Bilangan Usahawan Yang Dipantau Mengikut Daerah Sehingga Disember 2022 (904 Usahawan Asnaf)



## Jahitan Pakaian

**Rajah 7:** Purata Bilangan Peserta Berkelompok (Jahitan) Berpendapatan Melebihi RM500 Sebulan Sehingga Disember 2022




**Catatan:** 27 daripada 33 asnaf berpendapatan purata melebihi RM500/Bulan (Purata : 82%)

## Agihan Makanan

**Rajah 8:** Jumlah Pengagihan Bantuan Makanan Mengikut Pusat Penghantaran di Daerah Berdasarkan Persempadanan Semula Sehingga Disember 2022




**JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA: 17,466 ORANG**

**Rajah 9:** Purata Tempoh Masa Penghantaran (HARI) Sehingga Disember 2022



Majlis Agama Islam Selangor

# LAPORAN PROGRAM, LAWATAN DAN PUBLISITI MAIS

2022



# Laporan Program, Lawatan dan Publisiti MAIS 2022

## Laporan Aktiviti MAIS Januari - Disember 2022




| JENIS | BULAN | | | | | | | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JULAI | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | |
| PROGRAM RASMI | 2 | 0 | 1 | 8 | 4 | 3 | 2 | 2 | 4 | 2 | 2 | 2 | **32** |
| LAWATAN | 1 | 5 | 3 | 0 | 1 | 4 | 5 | 4 | 3 | 6 | 5 | 6 | **43** |
| AKTIVITI | 12 | 3 | 8 | 7 | 0 | 16 | 12 | 3 | 9 | 15 | 15 | 14 | **114** |
| **JUMLAH** | 15 | 8 | 12 | 15 | 5 | 23 | 19 | 9 | 16 | 23 | 22 | 22 | **189** |

## Laporan Publisiti MAIS Di Akhbar Perdana Dan *Online* Bulan Jan – Dis 2022




**JUMLAH KESELURUHAN 381**

| BIL | PERKARA | BULAN | | | | | | | | | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JULAI | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | |
| 1. | Media Online | 20 | 12 | 18 | 27 | 15 | 16 | 17 | 25 | 30 | 27 | 12 | 47 | **266** |
| 2. | Media Cetak | 7 | 6 | 11 | 1 | 8 | 2 | 3 | 1 | 6 | 6 | 5 | 12 | **68** |
| 3. | Media Elektronik | 7 | 2 | 2 | 9 | 5 | 7 | 4 | 2 | 3 | 2 | 0 | 4 | **47** |
| | **JUMLAH** | 34 | 20 | 31 | 37 | 28 | 25 | 24 | 28 | 39 | 35 | 17 | 63 | **381** |

## Program Rasmi 2022




MAIS Sumbang RM50 Ribu Untuk Tabung Dana Wakaf Al-Quran Negeri Selangor (Pasca Banjir) - **5 Januari 2022**



MAIS Serah Sumbangan 200 Kotak Makanan Kering Dan 30 Unit Toto & Dapur - **7 Januari 2022**



MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi Dan Anak Syarikat Lawat Mangsa Banjir Sungai Lui - **8 Januari 2022**



Turun Padang ke Klang
- **20 Januari 2022**




Majlis Perutusan Pengerusi & Pelancaran K-Guam
- **27 Januari 2022**




MAIS Lancar Kempen Fidyah Negeri Selangor, Kewajipan Yang Sering Dilupakan - Sasar RM8.5 Kutipan Fidyah - **1 Mac 2022**




MAIS Sertai Program Ekspo Industri Halal Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam SACC - **4 Mac sehingga 6 Mac 2022**




MAIS PRIHATIN MANGSA BANJIR DI NEGERI TERENGGANU DAN KELANTAN - Sumbang RM300,000, Tanda Solidariti Antara Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) - **18 Mac 2022**



Antara Penyampaian Sumbangan MAIS



MAIS Sumbang RM11.2 Juta Bantu Asnaf Riqab - **13 April 2022**



MAIS PERUNTUK DANA RM500,000 SETAHUN, BANTU ANAK YATIM - Gotong-Royong Agih 600 bubur lambuk kepada anak-anak yatim sempena Ramadhan - **20 April 2022**




Pengusaha Rumah Pemulihan Riqab (RPR) MAIS, Zahir Kesyukuran, Harap Berterusan - **21 April 2022**



Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima sumbangan 500 hamperbox dari 99 Speedmart – **22 April 2022**



MAIS Santuni Rumah Pemulihan Riqab Sekitar Daerah Hulu Selangor Dalam Bulan Ramadhan
Santuni Asnaf Al-Riqab - **22 April 2022**



MAIS Santuni Rumah Pemulihan Riqab Sekitar Daerah Hulu Langat Dalam Bulan Ramadhan - **27 April 2022**



MAIS Peruntuk Dana RM10,000, Bantu Masyarakat Islam Di Kemboja Sempena Ramadhan



MAIS Sumbang Kain Pelikat Untuk 400 Pegawai Masjid Kariah di seluruh Selangor - Sumbangan RM14,000 melalui Baitulmal MAIS – **28 April 2022**




Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Selangor Banyak Bantu Jemaah Di Tanah Suci - **21 Mei 2022**



MAIS Adakan Perbincangan Meja Bulat: Keperluan Mengadakan Peruntukan Dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Yang Menjelaskan Kedudukan Fahaman/Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah Sebagai Agama Islam Yang Diamalkan Dan Dianuti Dalam Negeri Selangor – **25 Mei 2022**



MAIS Erat Hubungan Dengan Media, Tanda Hargai Jasa dan Kerjasama



MAIS Lancar Sistem Siswa, Inovasi Baru Urus Wasiat Dan Hibah Atas Talian Secara Mudah Dan Pantas - **1 Jun 2022**



Program Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat – **16 Jun 2022**



Program Turun Padang Pengerusi MAIS Ke Daerah Sabak Bernam – **28 Jun 2022**



Program Ibadah Korban, Eratkan Ukhwah MAIS Bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor, Agensi Dan Anak Syarikat - **11 Julai 2022**




FORUM PERDANA EHWAL ISLAM "PUSAKA TIDAK BERTUAN"
- **8 September 2022**



DYMM Sultan Selangor Berkenan Serah Watikah Pelantikan Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor, Anggota Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Dan Anggota Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
- **26 September 2022**



MESYUARAT MAIS BIL.6/2022 - **5 Disember 2022**



MAIS Rai 21 Orang Ahli Lembaga Pengarah Dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dalam Majlis Sanjungan Budi
- **23 Disember 2022**



MAIS Sumbang RM1.03 Juta Kepada 81 Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan - **20 Disember 2022**

# Lawatan Agensi Luar ke MAIS 2022



Lawatan MAIK Ke MAIS - **28 Januari 2022**



Lawatan Pimpinan Ke MAIS - **10 Februari 2022**



Lawatan LHDNM Ke MAIS - **15 Februari 2022**



Lawatan Aman Palestin Berhad Ke MAIS - **17 Februari 2022**



MAIS Terima Lawatan Dari MUIP - **11 Mac 2022**



MAIS Terima Lawatan Dari ARB - **21 Mac 2022**



MAIS Terima Lawatan Dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor - **23 Mei 2022**



MAIS Terima Lawatan Dari Persatuan Pengguna Islam Malaysia - **13 Jun 2022**




MAIS Terima Lawatan Dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu - **20 Jun 2022**



MAIS Terima Lawatan Dari Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim - **13 Julai 2022**



MAIS Terima Lawatan Dari Jabatan Bantuan Guaman Malaysia (JBGM) - **10 November 2022**



36 Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Klang Timba Pengalaman Di MAIS - **8 Disember 2022**

# Lawatan MAIS ke Agensi Luar 2022




Lawatan MAIS Ke Jabatan Akuantan Negara Malaysia - **14 Februari 2022**



MAIS Kunjungi Bank Rakyat - **27 Julai 2022**




Lawatan MAIS Ke KWSP Jalin Kerjasama Strategik - **8 November 2022**



Lawatan Kerja Ke JAINJ – **4 Disember 2022**




Lawatan Kerja Ke Sekolah Agama Tarbiyah Husnul Khatimah Penjara Kluang – **5 Disember 2022**




MAIS Lawat Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Pulau Pinang - **14 Disember 2022**

Majlis Agama Islam Selangor

# ANTARA LIPUTAN MEDIA PROGRAM MAIS

2022



# Antara Liputan Media Program MAIS 2022










Selangor FM – **28 Mac 2022**







SELAMAT PAGI Malaysia – **1 Jun 2022**









SLOT RADIO IKIM **(Setiap Selasa Bulan Jun – Oktober)**




SLOT RADIO IKIM **(Setiap Selasa Bulan Jun – Oktober)**














SELAMAT PAGI MALAYSIA






SELAMAT PAGI MALAYSIA







RADIO SELANGOR FM






SELAMAT PAGI MALAYSIA







SELAMAT PAGI MALAYSIA







TV ALHIJRAH






TV ALHIJRAH







NASIONAL FM







NASIONAL FM






RADIO BERNAMA

Majlis Agama Islam Selangor

# PUBLISITI MAIS DI MEDIA *ONLINE*, CETAK DAN ELEKTRONIK

2022



# Publisiti MAIS Di Media *Online*, Cetak Dan Elektronik

## MAIS peruntuk RM38.1 juta kepada mangsa banjir di Selangor

**HULU LANGAT** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan bantuan sebanyak RM38. 1 juta kepada mangsa banjir di Selangor yang terjejas pada 17 Disember lalu.

Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, peruntukan itu daripada agensi dan anak syarikat MAIS seperti Bailtulmal MAIS, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan Bakti Suci Holding Sdn Bhd.

Menurut beliau, penyaluran sumbangan akan diagihkan menerusi agensi terlibat termasuk RM37. 17 juta melalui LZS, RM300, 000 melalui YIDE dan RM55, 000 oleh Bakti Suci Holding Sdn Bhd.

"RM250,000 akan diagihkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (Tijari) dan selebihnya diagih MAIS sendiri.

"Teraju Ekonomi Asnaf (Teras) pula berperanan membekalkan pek makanan asas kepada mangsa banjir di bawah peruntukan MAIS dan LZS, " katanya pada program sumbangan mangsa banjir di Sungai Lui pada Sabtu.

Beliau berkata, MAIS turut menerima sumbangan dana dan makanan asas daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dan pusat zakat negeri.

"Antaranya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang menyalurkan RM3 juta bagi membina semula rumah terlibat banjir khususnya kepada asnaf dan fakir," katanya.

SINAR HARIAN – **9 Januari 2022**

## RM38.1 juta bantu pihak terjejas banjir termasuk PITAS



DR AHMAD SHAHIR

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan sumbangan sebanyak RM38.1 juta bagi membantu pihak terjejas akibat banjir termasuk masjid, surau, sekolah, pusat tahfiz dan individu di Selangor.

Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, daripada jumlah tersebut sumbangan dana sebanyak RM50,000 diserahkan kepada Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS).

Menurutnya, dana sumbangan yang menggunakan sumber baitulmal itu diberikan kepada PITAS selaku penggerak utama institusi tahfiz al-Quran.

"Ini bagi memenuhi maslahah ummah terutama dalam membantu Maahad Tahfiz yang terjejas akibat banjir dalam kejadian pada 17 Disember lalu," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, beliau berkata, MAIS berharap sumbangan itu juga dapat membantu keperluan operasi di samping menaik taraf kemudahan di maahad tahfiz agar para pelajar dapat mengikuti pengajian dengan lebih sempurna.

Sementara itu, Pengerusi PITAS, Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa berkata, pihaknya bersyukur atas bantuan RM50,000 daripada MAIS yang cakna kepada institusi tahfiz selepas terkesan akibat banjir.

SINAR HARIAN – **18 Januari 2022**

## MAIS harap tiada anasir khurafat tolak banjir di Selangor



ABDUL AZIZ (kiri) menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir di Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lui, Hulu Langat semalam.

**HULU LANGAT** – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berharap tiada ritual berunsur khurafat bagi mengelak bencana banjir dilakukan oleh mana-mana pihak di negeri ini.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, MAIS bagaimanapun tidak menerima sebarang laporan atau aduan berhubung perbuatan tersebut di Selangor setakat ini.

"Setakat ini tiada (aduan ritual cegah banjir di Selangor). Mudah-mudahan tiada (berlaku di Selangor)," katanya ketika ditemui pemberita di Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lui dekat sini semalam.

Beliau menyampaikan bantuan barangan elektrik dan dana kewangan bernilai RM32,150 kepada mangsa banjir yang terjejas di Kampung Sungai Lui menerusi Program Tautan Kasih MAIS.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Saipolyazan M. Yusop.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) akan membuka kertas siasatan terhadap Ibrahim Mat Zin yang dikenali sebagai Raja Bomoh berkaitan upacara di Dataran JPS, Teluk Intan.

Rakaman upacara itu yang tular di media sosial memperlihatkan Ibrahim melakukan upacara dipercayai menolak musibah banjir bersama seorang wanita dikenali 'Puteri Zaleha'.

Kelmarin Ibrahim telah dijamin RM3,000 di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh, Perak dan berjanji tidak akan mengulangi ritual yang bertentangan fatwa.

Terdahulu, Abdul Aziz berkata, MAIS memperuntukkan sumbangan sebanyak RM38.1 juta bagi membantu pihak yang terjejas akibat banjir di Selangor termasuk masjid, surau, sekolah, pusat tahfiz dan individu.

Menurut beliau, sumbangan itu meliputi peruntukan oleh Baitulmal MAIS, LZS, Yayasan Islam Darul Ehsan, Bakti Suci Holding Sdn. Bhd. dan Jabatan Agama Islam Selangor.

"Sumbangan berbentuk bantuan wang tunai, set makanan asasi, keperluan asas, set ke sekolah," ujar beliau.

KOSMO – **9 Januari 2022**

selangorkini AGENDA TERKINI SELANGOR RENCANA LENSA AKHBAR DIGITAL




Pengerusi Mais Tan Sri Abd Aziz Mohd Yusof menyampaikan Geran Pemulihan Rigab dan bantuan Aidilfitri kepada wakil 24 Rumah Pemulihan Riqab (RPR) di Wisma PKPS pada 13 April 2022.Foto MUSTAKIM RAMLI/SELANGORKINI

AGENSI SELANGOR

## Mais agih RM11.2 juta bantu 24 rumah pemulihan

by Mustakim Ramli April 13, 2022 9:35 pm



BANGUNAN Wisma MAIS yang boleh disewa dengan kadar RM500 sebulan di Seksyen 3, Shah Alam.

Bagi isi rumah pendapatan RM5,000 sebulan

## MAIS tawar rumah sewa murah RM500

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

**SHAH ALAM** – Prihatin terhadap golongan kurang berkemampuan mendorong Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menawarkan sewaan rumah serendah RM500 sebulan di wismanya di Seksyen 3, di sini.

MAIS dalam kenyataannya berkata, sewaan itu terbuka kepada mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah bawah RM5,000 dan berkhidmat di Selangor dengan keutamaan kepada pemohon beragama Islam.

"Hanya terdapat 30 unit sahaja dengan keluasan 680 kaki persegi dengan mempunyai 3 bilik dan 2 bilik air.

"Unit rumah itu disewa pada kadar RM500 bagi pekerja sektor awam dan RM600 (sektor swasta)," katanya di sini semalam.

MAIS menjelaskan, kemudahan lain disediakan termasuk kawasan keselamatan 24 jam dan sistem televisyen litar tertutup dan 220 parkir terbuka percuma.

Tambahnya, langkah itu sebagai satu usaha MAIS membantu pemulihan ekonomi masyarakat dengan memberikan kadar sewaan yang amat murah.

"Mereka yang berminat boleh memuat turun borang permohonan sewaan di laman *web www.mais.gov.my/sewaan/* atau menghubungi **019-2640631** (Encik Arzlan)," katanya.

Untuk rekod, sewa rumah di sekitar Shah Alam secara purata adalah RM1,000 ke atas bagi rumah teres dan RM700 bagi rumah strata kos rendah.

HARIAN METRO – **17 Februari 2022**

## Kutipan fidyah meningkat RM9.8 juta

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM9.8 juta fidyah telah dilunaskan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berbanding sasaran RM7 juta pada tahun lalu.

Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, hasil kutipan itu juga menunjukkan peningkatan berbanding sasaran sebanyak RM7 juta pada tahun sama.

"Hasil kutipan fidyah ini sebanyak RM8.1 telah diagihkan kepada mereka yang layak.

"Pada tahun lalu, MAIS bersama Lembaga Zakat Selangor iaitu ejen kutipan fidyah MAIS telah menggiatkan pelbagai program dakwah dan kesedaran berkaitan kewajipan melunaskan fidyah," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Ahmad Shahir berkata, sebanyak RM8.5 juta kutipan fidyah disasarkan MAIS pada tahun ini.

Jelas beliau, sebagai sebuah badan yang diamanahkan untuk mentadbir hal ehwal Islam negeri Selangor, MAIS melalui Sektor Baitulmal komited untuk memberikan perkhidmatan pengurusan harta orang Islam yang berkualiti di negeri ini.



AHMAD SHAHIR

Justeru, katanya, MAIS ingin mengajak masyarakat untuk celik, cakna dan memahami maksud fidyah atau qada puasa seperti yang dituntut syarak.

MAIS pada Selasa turut melancarkan Kempen Fidyah Negeri Selangor dalam Webinar Lunaskan Fidyah – Kewajipan Yang Sering Dilupakan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kewajipan tersebut.

Perasmian Kempen Fidyah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha (Operasi), Nurhani Salwa Jamaluddin yang disiarkan secara langsung di Facebook MAIS.

SINAR HARIAN – **2 Mac 2022**

SIAKAP KELI

Laman Utama Berita Sukan Travel Kesihata




## MAIS Peruntuk Dana RM500,000 Setahun, Bantu Anak Yatim

Syafiq, 8 bulan lalu 2 min read

SIAKAP KELI

Laman Utama Berita Sukan Travel Kesihatan




## MAIS Seru Umat Islam Celik Faraid, Tahu Urus Harta Pusaka

Syafiq, 4 bulan lalu 2 min read

# Guaman percuma Mais kendali 13 kes

**SHAH ALAM -** Orang ramai khususnya warga negeri ini yang layak boleh mendapatkan bantuan guaman syarie percuma yang disediakan Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Majlis menerusi Facebook berkata khidmat itu disediakan Bahagian Undang-undang Syariah yang akan mengendalikan 13 jenis kes melibatkan undang-undang syariah.

Antaranya tuntutan pengesahan lafaz cerai, permohonan pengesahan rujuk, penceraian, fasakh pengesahan cerai taklik dan sabitan nusyuz.

Layari laman sesawang bantuan guaman syarie www.mais.gov.my/bantuan-guaman-syarie-konsultasi-perundangan/ untuk maklumat lanjut.

SELANGOR KINI – **10 Ogos 2022**

# 160 TERDIRI DARIPADA LGBT

*Golongan Asnaf Riqab dibantu Mais mencecah 2,529 orang*

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

Umat Islam yang dibelenggu masalah sosial seperti penagihan dadah, sumbang mahram, persetubuhan haram dan terpesong akidah sentiasa mendapat perhatian oleh Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Pengerusi Jawatankuasa Riqab Mais, Tan Sri Hashim Meon berkata, sejak 2010 hingga Ogos lalu, golongan dalam kategori Asnaf Riqab yang dibantu itu mencecah 2,529 orang.

"Angka ini meningkat dari tahun ke tahun dan ini menunjukkan Mais serta agensi berkaitan sangat komited dalam membantu, membimbing, memulihkan dan memberikan kebajikan kepada asnaf Ar-Riqab di Selangor.

"Mais memperuntukkan RM21.2 juta dari peruntukan zakat asnaf riqab untuk tahun ini bagi membantu dan membimbing golongan terbabit yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan dan pencegahan selain pelbagai bantuan lain supaya mereka kembali ke pangkal jalan.

"Peruntukan diberikan kepada asnaf ini setiap bulan mengikut kadar ditetapkan iaitu antara RM750 hingga RM1,250" katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas melancarkan Kempen Bulan Pembebasan Riqab tahun 2022 di Hotel Mardiyyah, Seksyen 14 di sini, kelmarin.

Hashim berkata, seramai 160 daripada 2,529 Asnaf Ar Riqab adalah golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang dibantu Mais.

"Kita tidak beri mereka bantuan dalam bentuk barangan, sebaliknya bantuan dari segi tempat tinggal di rumah perlindungan, program mingguan seperti peningkatan akidah.

"Guru dan kaunselor juga memberi khidmat nasihat supaya mereka dapat pulih, boleh keluar dari asnaf dan kembali membayar zakat serta kehidupan lebih baik," katanya.

Sehingga kini katanya, Mais memiliki Rumah Pemulihan Majlis (RPM) iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam, Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman di Hulu Selangor dan Pusat Perlindungan Baitul Islah di Serendah.

"Selain itu, Mais juga mempunyai 25 buah Rumah Pemulihan Riqab (RPR) yang berdaftar di bawah Mais.

"Peranan dan fungsi Rumah Pemulihan Riqab ini adalah sangat besar dalam membantu Mais mengatasi masalah sosial di Negeri Selangor," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Mais melalui Jawatankuasa Riqab dan Bahagian Pemulihan Ar-Riqab Mais mengadakan Kempen Bulan Pembebasan Riqab sepanjang September ini.

"Antara objektif kempen adalah memberikan kefahaman ilmu serta kesedaran yang mendalam kepada kepada penghuni RPM dan RPR berhubung masalah sosial dan kesihatan. Meningkatkan tahap kesedaran dan keredaan ahli keluarga yang terbabit dalam menerima baik ujian yang menimpa ahli keluarga mereka. Membantu masyarakat awam bahawa isu masalah sosial dan mental perlu diatasi bersama-sama dan boleh merujuk kepada agensi bersesuaian seperti Mais," katanya.



"Guru dan kaunselor juga memberi khidmat nasihat supaya mereka dapat pulih
Hashim

HARIAN METRO – **3 September 2022**

# MAIS terima Sijil Audit Bersih 15 tahun berturut-turut

**SHAH ALAM -** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan MAIS Tahun 2021 berturut-turut sejak tahun 2006 pada Selasa.

MAIS menerusi hantaran di Facebook pada Rabu memaklumkan sijil berkenaan diserahkan Timbalan Ketua Audit Negara, Datuk Nor Salwani Muhammad kepada Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.

Menurut hantaran tersebut, pengiktirafan yang diterima buat kali ke-15 itu membuktikan MAIS mampu menyediakan penyata kewangan mengikut prosedur dan piawaian perakaunan ditetapkan.

"Penerimaan sijil audit bersih ini membuktikan MAIS menyediakan penyata kewangan secara benar dan saksama mengikut prosedur dan piawaian perakaunan yang ditetapkan," katanya.

SINAR HARIAN – **15 September 2022**

# Umat Islam diseru celik urus harta pusaka

**SHAH ALAM -** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan menganjurkan Forum Perdana Hal Ehwal Islam bertajuk 'Pusaka Tidak Bertuan' sempena ulang tahun ke-70 agensi itu.

Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, program itu akan diadakan pada 8 September ini dan disiarkan secara langsung menerusi saluran RTM TV1 jam 9 malam.

Menurutnya, tajuk itu dipilih bagi memupuk kesedaran umat Islam dalam menguruskan harta pusaka.



AHMAD SHAHIR

"Berdasarkan laporan media, hampir RM70 bilion nilai harta pusaka dengan majoriti umat Islam tidak dituntut sejak merdeka.

"Banyak kesan negatif apabila waris atau masyarakat tidak memahami ilmu faraid antaranya pertelingkahan sesama waris, pembekuan harta pusaka, isu kematian berlapis, isu anak angkat, isu anak tidak sah taraf dan lain-lain," katanya pada Isnin.

Beliau berkata, MAIS selaku badan berautoriti ke atas hal ehwal agama Islam di Selangor akan terus memperkasa strategi dan menjadi rujukan utama kepada masyarakat Islam untuk sentiasa mengutamakan aspek pengurusan harta.

"Bagi memberi kemudahan kepada umat Islam dalam menguruskan harta pusaka, MAIS sentiasa memperkasa perkhidmatan termasuk menyediakan platform digital seperti Siswa MAIS, K-Faraid MAIS, e-Faraid MAIS dan sebagainya selari dengan perkembangan digitalisasi," kata beliau.

SINAR HARIAN – **6 September 2022**

# Bakal jemaah umrah diingatkan patuhi peraturan Arab Saudi

**Shah Alam:** Umat Islam di Selangor yang ingin ke luar negara terutama bagi melaksanakan ibadah umrah diingatkan supaya mematuhi undang-undang ditetapkan negara berkenaan.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, ia bagi mengelakkan sebarang perkara tidak diingini khususnya yang membabitkan pelanggaran tempoh visa.

"Pihak kami tegas berhubung perkara ini susulan insiden sekumpulan jemaah umrah tempatan yang turut membabitkan jemaah dari Selangor terkandas di Arab Saudi.

"Bagaimanapun, mereka sudah selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada 7 November lalu dengan bantuan Kementerian Luar.

"Ia adalah ketibaan kedua membabitkan jemaah umrah yang terkandas," katanya dalam kenyataan, semalam.

Abdul Aziz berkata, jemaah umrah itu turut mengingatkan kepada umat Islam yang merancang untuk mengerjakan umrah supaya lebih berhati-hati agar perkara menimpa mereka tidak berlaku kepada orang lain.

Media sebelum ini melaporkan seramai 63 jemaah umrah terdiri daripada 28 dewasa dan 35 kanak-kanak dilaporkan terkandas di Arab Saudi sejak Jun lalu.

Jemaah berkenaan dilaporkan dibawa ke Madinah oleh kumpulan tarekat Naqsyabandiyah Al-Kholidiah untuk mengerjakan ibadah umrah pada Mac lalu.

HARIAN METRO – **10 November 2022**

# Patuh perundangan, elak terkandas

Jemaah umrah Selangor diingatkan patuhi perundangan ditetapkan kerajaan Arab Saudi

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SHAH ALAM

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengingatkan jemaah umrah di negeri ini untuk mematuhi perundangan yang ditetapkan kerajaan Arab Saudi agar tidak berlaku perkara tidak diingini khususnya melibatkan pelanggaran tempoh visa.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, perkara itu ditegaskan berikutan kenyataan Kementerian Luar yang berusaha membawa pulang 63 jemaah umrah warganegara Malaysia termasuk dari Selangor yang terkandas di negara itu sejak Jun lalu.

Menurutnya, kumpulan kedua jemaah terkandas dari Selangor tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pagi Isnin.

"Salah seorang jemaah dari negeri ini yang ditemui di KLIA meluahkan rasa syukur kerana selamat tiba di tanah air dengan bantuan pelbagai pihak.

"Mereka memaklumkan terputus bekalan dan perbelanjaan di sana," katanya.



ABDUL AZIZ

Tambah Abdul Aziz, jemaah yang terkandas berkenaan turut mengingatkan kepada umat Islam yang merancang untuk mengerjakan umrah supaya berhati-hati agar perkara yang menimpa mereka tidak berlaku kepada orang lain.

Kementerian Luar dalam kenyataan yang dikeluarkan pada Isnin memaklumkan sedang berusaha membawa pulang 63 jemaah umrah warganegara Malaysia yang terkandas di Arab Saudi sejak Jun lalu.

Menurut Wisma Putra, kumpulan pertama seramai 36 jemaah umrah itu tiba di KLIA pada jam 5.50 pagi dan 27 jemaah lagi akan dibawa pulang menerusi penerbangan seterusnya.

SINAR HARIAN – **10 November 2022**















SINAR HARIAN – **11 Disember 2022**

# MAIS agih fidyah kepada 673 keluarga

Fidyah berjumlah RM80,760 diberikan libatkan lima daerah

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

FOTO: FB MAIS



Antara 673 keluarga di lima daerah yang menerima agihan fidyah MAIS.

Sejumlah 673 keluarga di lima daerah menerima agihan fidyah berjumlah RM80,760 daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada minggu lalu.

MAIS dalam satu kenyataan memaklumkan sumbangan diagihkan di sekitar Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat, Petaling dan Klang meliputi makanan asas seperti beras, tepung, minyak dan gula bernilai RM120 setiap keluarga.

"Alhamdulillah selesai agihan fidyah MAIS bagi penerima yang layak berjumlah RM80,760 kepada 673 keluarga penerima," kata kenyataan agensi itu di laman Facebooknya.

Menurut agensi itu, usaha tersebut melibatkan kerjasama 20 Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSAFM) antaranya daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) SS17, Sekolah Kebangsaan Seri Selangor, SK Puchong Jaya 2, Masjid Darul Ibadah, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) dan lain-lain.

"Semoga sumbangan yang diberikan ini dapat membantu meringankan bebanan mereka semua," tambah kenyataan itu.

Bayaran fidyah turut boleh dilaksanakan secara atas talian melalui e-MAIS atau pautan *https://fpx.mais.gov.my/epay*.

SINAR HARIAN – **14 Disember 2022**

# Pengikut Millah Abraham sesat : Mufti Selangor

**SHAH ALAM** - "Pengikut ajaran Millah Abraham adalah sesat kerana mengikut ajaran yang palsu," kata Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir.

Beliau berkata, Jawatankuasa Fatwa Selangor pada 17 September 2015 telah memutuskan Millah Abraham adalah ajaran yang menyeleweng dan bercanggah dengan ajaran Islam sebenar mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Menurutnya, Millah Abraham dipelopori oleh Ahmad Musadeq dari Bogor, Indonesia yang sampai ke Malaysia pada tahun 2013.

Beliau berkata, nama Millah Abraham diambil menerusi al-Quran Surah al-An'am ayat 161 dan ayat 123 Surah an-Nahl.

"Surah al-An'am ayat 161 iaitu ALLAH SWT berfirman : Katakanlah wahai Nabi Muhammad SAW bahawa aku telah diberikan petunjuk hidayah oleh tuhanku ke jalan yang betul, lurus kepada agama yang tetap teguh iaitu Nabi Ibrahim yang ikhlas. Dan tiadalah dia dari orang yang musyrik.

"Maka perkataan itu 'millatal ibrahim' dakwa ajaran yang betul selepas kejatuhan kerajaan Abbasiyah dan mengatakan agama yang ada sekarang adalah agama yang palsu.

"Millah Abraham juga bersandarkan ayat 123 Surah an-Nahl iaitu ALLAH SWT berfirman: Kemudian kami wahyukan kepada engkau supaya mengikut Millah Ibrahim, yang lurus agama Nabi Ibrahim," katanya menerusi keterangan video dikongsikan di Facebook Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada Khamis.

Beliau berkata, setelah diteliti didapati ajaran tersebut mengambil terjemahan secara literal sedangkan tafsiran bukan seperti yang mereka nyatakan.

"Ajaran ini mendakwa ia adalah kerajaan baharu, mendakwa ada rasul selepas Nabi Muhammad SAW, mereka mensyirikkan mereka yang tidak mengikut ajaran Millah Abraham dan mereka tidak melaksanakan solat lima waktu serta solat Jumaat.

"Mereka juga memahami al-Quran dengan tafsiran mereka sendiri dan mereka taksub dengan ajaran mereka hingga sanggup memutuskan hubungan persaudaraan termasuk hubungan suami isteri.

"Oleh itu jauhi diri daripada ajaran yang menyeleweng dengan ajaran Islam supaya akidah kita selamat dan sahih," ujarnya.

Sebelum ini, seorang pelakon membuat pengakuan berani apabila mendedahkan dia merupakan salah seorang pengikut ajaran Millah Abraham.




Keterangan Mufti Selangor berhubung ajaran Millah Abraham.

SINAR HARIAN – **23 Disember 2022**

# MAIS agih bantuan kepada lebih 1,000 keluarga Orang Asli

**GOMBAK -** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengagihkan bantuan kotak makanan kering melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM218,880 kepada 1,199 keluarga masyarakat Orang Asli di sini pada Selasa.

Timbalan Setiausaha (Operasi) MAIS, Nurhani Salwa Jamaluddin memaklumkan, penerima sumbangan terdiri daripada masyarakat Orang Asli beragama Islam dan bukan Islam di sekitar Selangor.

"Daripada jumlah keseluruhan RM218,880 itu, sebanyak RM150,000 diagihkan kepada 625 keluarga masyarakat Orang Asli Islam dengan menggunakan sumber peruntukan wang fidyah MAIS.

"Sebanyak RM68,880 lagi diagihkan kepada 574 keluarga masyarakat Orang Asli bukan Islam dengan menggunakan sumber peruntukan baitulmal MAIS," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Majlis simbolik penyerahan replika cek disampaikan Nurhani Salwa kepada Penolong Pengarah Kanan Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Abdul Hadi Abdullah.

Dalam pada itu, Nurhani Salwa turut memaklumkan, sumbangan juga bertujuan sebagai usaha dakwah MAIS dalam membantu masyarakat Orang Asli berpendapatan di bawah kategori B40 di beberapa daerah di negeri ini.

"Setiap keluarga menerima bantuan kotak makanan kering seperti beras, susu, gula, tepung dan minyak masak bernilai RM120.

"Sumbangan yang dilaksanakan dengan kerjasama Rakan Strategik Agihan Fidyah MAIS (RSFM) yang terdiri daripada JAIS, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (Teras), Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK), masjid dan surau di daerah terlibat," katanya.

Dalam kenyataan sama, beliau berkata, setakat ini, MAIS telah mengagihkan wang fidyah sebanyak RM3.3 juta dengan jumlah penerima sumbangan seramai 20,931 keluarga yang layak.




**Majlis simbolik penyerahan replika cek disampaikan Nurhani Salwa (dua dari kanan) kepada Abdul Hadi (empat dari kiri) di Gombak pada Selasa.**

SINAR HARIAN – **28 Disember 2022**

BERITA RTM

UTAMA | SEMASA | NASIONAL | PILIHAN RAYA | COVID-19 | EKONOMI | JENAYAH | DUNIA

BERITA TERKINI Pemberian dos penggalak perlahan, ancam gelombang baharu jangkitan

## MAIS peruntukkan RM38.1 juta, bantu penduduk terjejas banjir di Selangor.

January 8, 2022 Written by Media Baharu Published in Semasa

Tweet | Like | Share | Hits: 147 | Print | Email



SIAKAP KELI

Laman Utama | Berita | Sukan | Travel | Kesihata




## MAIS Peruntuk Dana RM500,000 Setahun, Bantu Anak Yatim

Syafiq, 8 bulan lalu 2 min read


MAIS
PERUNTUK RM11.2 JUTA BANTU ASNAF RIQAB
LIGA PREMIER: KELANTAN UNITED TUNDUKKAN SKUAD


SIARAN AKHBAR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
SEDIA BANTUAN GUAMAN SYARIE PERCUMA


VAKSIN COVID-19
MAIS TETAP TAMATKAN KONTRAK GURU KAFA TOLAK VAKSIN
INDEKS


"Kami mengikut peraturan dan prosedur undang-undang. Kami beri ingatan dan nasihat, jika tidak ikut juga, kami tidak mempunyai pilihan lain (tamatkan kontrak)."
TAN SRI ABDUL AZIZ MOHD YUSOF
Pengerusi MAIS
COVID-19
MAIS TETAP PENDIRIAN TAMAT KONTRAK GURU KAFA TOLAK VAKSIN


PERANGI AJARAN SESAT
MILLAH ABRAHAM
mais_selangor
Follow
Perangi Ajaran Sesat Millah Abraham. Jangan biarkan gerakan sesat ini memberi implikasi fenomena takfir yang mengkafirkan dalam kalangan masyarakat Islam. #mais #ajaransesat #millahabraham #ilmu #fyp #tiktokmalaysia #menjunjungamanah #sesat #kafir


SALAM TAKZIAH
kepada mangsa dan ahli keluarga tragedi tanah runtuh di Batang Kali
mais_selangor
Follow
MAIS VIDE SERAH BANTUAN KEPADA KELUARGA MANGSA TANAH RUNTUH BATANG KALI, SELANGOR.


Tajuk:
Jika Tidak Sempat Ganti Puasa, Perlu Buat Apa?
mais_selangor
Follow

YouTube


Search
SAHIBUS SAMAHAH DATO DR HAJI ANHAR OPIR


Search
APAKAH PERBEZAAN
MAIS & JAIS
PERBEZAAN DIANTARA MAIS & JAIS
Majlis Agama Islam Selangor
Analytics
Edit video
Share
Promote
Download
Save


Search
Bersiaran langsung bersama kami sebentar sahaja lagi...
STREAM LANGSUNG
UNIT MEDIA DIGITAL INTERAKTIF
JAKIM
FORUM PERDANA EHWAL ISLAM "PUSAKA TIDAK BERTUAN" SIARAN LANGSUNG DI RTM TV1
Majlis Agama Islam Selangor
Analytics
Edit video
Share
Promote
Download
Clip

Majlis Agama Islam Selangor

# DIREKTORI MAIS

2022



# Direktori MAIS 2022

| PEJABAT & ALAMAT | NO. TEL PEJABAT / EMEL / FAKS |
|---|---|
| **IBU PEJABAT** | |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**<br>Tingkat 9 & 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah<br>40000 Shah Alam, Selangor. | Tel: +603-5514 3752/3773<br>Faks: +603-5512 4042<br>Emel: pro@mais.gov.my |
| **KOMPLEKS MAIS** | |
| **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**<br>Tingkat 2 & 3, Kompleks MAIS Klang, Lot 336<br>Jalan Meru Off Jalan Kapar<br>41050 Klang Selangor Darul Ehsan. | Tel: +603-5514 3752/3773<br>Faks: +603-5512 4042 |
| **PEJABAT BAITULMAL DAERAH** | |
| **ZON UTARA** | |
| **BAITULMAL DAERAH SABAK BERNAM**<br>**PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH SABAK BERNAM**<br>Jalan Parit 1 Timur<br>45300 Sungai Besar, Selangor | Tel: +603-3224 1529 |
| **BAITULMAL DAERAH KUALA SELANGOR**<br>**KOMPLEKS ISLAM DAERAH KUALA SELANGOR**<br>45800 Kuala Selangor, Selangor | Tel: +603-3289 1393 |
| **ZON BARAT** | |
| **BAITULMAL DAERAH KLANG**<br>**PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG**<br>Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan<br>Jalan Kota, 41000 Klang, Selangor | Tel: +603-3272 6294 |
| **BAITULMAL DAERAH KUALA LANGAT**<br>**PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KUALA LANGAT**<br>Sungai Manggis, 42700 Banting, Selangor. | Tel: +603-3187 5134 |
| **ZON TIMUR** | |
| **BAITULMAL DAERAH HULU SELANGOR**<br>**KOMPLEKS AGAMA ISLAM DAERAH HULU SELANGOR**<br>Kuala Kubu Bharu<br>44000 Hulu Selangor, Selangor. | Tel: +603-6064 1437 |
| **BAITULMAL DAERAH GOMBAK**<br>**KOMPLEKS ISLAM DAERAH GOMBAK**<br>KM16 Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang<br>68100 Batu Caves, Selangor. | Tel: +603-6131 1131 |
| **ZON SELATAN** | |
| **BAITULMAL DAERAH HULU LANGAT**<br>**KOMPLEKS ISLAM HULU LANGAT**<br>Persiaran Kemajuan, Seksyen 16<br>43650 Bandar Baru Bangi, Selangor | Tel: +603-8920 2209 |
| **BAITULMAL DAERAH SEPANG**<br>**KOMPLEKS AGAMA ISLAM DAERAH SEPANG**<br>Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor | Tel: +603-8706 1918 |

| PEJABAT & ALAMAT | NO. TEL PEJABAT / FAKS |
|---|---|
| **LAIN-LAIN PERKHIDMATAN** | |
| **PUSAT PERLINDUNGAN WANITA BAITUL EHSAN**<br>Majlis Agama Islam Selangor<br>Jalan Raja Chulan<br>45200 Sabak Bernam, Selangor. | Tel: +603-3216 1286<br>Faks: +603-3216 1488 |
| **PUSAT PEMURNIAN AKIDAH BAITUL IMAN**<br>Majlis Agama Islam Selangor<br>Lot PT 8789, Jalan Sungai Tua<br>Hulu Yam Baharu<br>44300 Batang Kali, Selangor | Tel: +603-6075 1558<br>Faks: +603-6075 1548 |
| **PUSAT PEMULIHAN BAITUL ISLAH MAIS-AADK**<br>Majlis Agama Islam Selangor<br>Lot PT 20304<br>Jalan Air Terjun Serendah<br>48200 Serendah, Selangor. | Tel: 019-372 9627<br>Tel: 017-889 8982 |
| **PUSAT PENYELIDIKAN MAIS**<br>Wisma MAIS<br>No. 2-1-04<br>Jalan RU 3/9A, Seksyen 3<br>40000 Shah Alam. | Tel: +603-5510 8631 |

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

+603-5514 3400

Majlis Agama Islam Selangor mais_officialhq maisgovmy
www.mais.gov.my